


**Jilid I
Bil. 69**



**Hari Jumaat
21hb November, 1975**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7677]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7699]

Jawatankuasa—

Jadual

Kepala B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 7743]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7699]

Jawatankuasa—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 7750]

DICETAK OLEH

**IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

1976

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 21hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

Yang Berhormat TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DR HEE TIENG LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rayat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: B. P. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

HUKUMAN BERMAIN JUDI

1. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan bilangan orang yang dihukum kerana bermain judi di negara ini dalam tahun 1974 dan 1975.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perjudian bukanlah suatu kesalahan yang boleh direkodkan atau didaftarkan, tidaklah dapat saya memberi angka-angka yang sebenar tentang ramainya orang-orang yang telah dihukum kerana berjudi. Walau bagaimanapun, jumlah orang-orang yang dianggarkan yang kena hukum bagi Semenanjung Malaysia ialah 7,700 orang dalam tahun 1974 dan 6,300 orang bagi tahun ini setakat bulan Oktober.

Bagi Sabah dan Sarawak saya cuma dapat menyatakan bahawa jumlahnya adalah kecil dan tidaklah seharusnya dibimbangkan. Bilangan ini nampaknya besar tetapi kebanyakan bilangan itu ada musim. Misalnya, pada perayaan Tahun Baru China ramailah yang terlibat tetapi finenya kecil sahaja. Biasanya meleset, cuma pada bulan itu sahaja lah yang banyak.

MAS DAN KAKITANGAN ASING

2. Raja Nasron bin Raja Ishak (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan orang-orang asing yang bekerja dengan MAS dan jawatan-jawatan yang mereka pegang.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kakitangan-kakitangan MAS sehingga 30hb September, 1975 di Malaysia dan di luar negeri ialah 5,707.

Jumlah bilangan kakitangan-kakitangan MAS sehingga 30hb September, 1975, di Malaysia sahaja ialah 5,145.

Jumlah bilangan kakitangan-kakitangan asing yang berkhidmat dengan MAS sehingga hari ini ialah 194 dan mereka ini adalah di dalam bahagian teknikal dan juruterbang.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa ada 194 orang asing yang bekerja dengan MAS memegang jawatan teknik. Adakah ini bermakna bahawa jawatan-jawatan tersebut tidak boleh dipenuhi oleh orang-orang tempatan ataupun orang-orang Malaysia?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah telah diambil oleh MAS sekarang ini untuk menghantar pelatih-pelatih daripada anak negeri ini dan sekarang ada 100 orang lebih telah dihantar dan 85% daripadanya ialah daripada bumiputra.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Luhut Wan. Tak ada.

(*Soalan No. 3 Y.B. Tuan Luhut Wan tidak hadir.*)

PERINDASTRIAN DI LUAR BANDAR

4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab kelambatan dalam menarik pemodal-pemodal asing menubuhkan perusahaan di kawasan-kawasan luar bandar negara ini. Samada Kerajaan sedar tentang kerugian yang dihadapi berikutan dengan penghijrahan belia-belie luar bandar ke kawasan-kawasan bandar untuk mencari peluang-peluang pekerjaan yang mana tenaga mereka sangat-sangat diperlukan bagi pembangunan luar bandar negara ini. Belia-belie luar bandar kita tidak akan mendapat peluang-peluang pekerjaan sekiranya tidak ada perusahaan ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar seperti Parit di mana 94% daripada penduduknya adalah kaum Bumiputra. Salah satu cara untuk menarik pemodal-pemodal asing menubuhkan perusahaan di kawasan-kawasan luar bandar ialah dengan memberi mereka "tax incentive".

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari masalah pengangguran dan pemindahan belia-belie dari luar bandar ke bandar. Adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan projek perindustrian didirikan

di tempat-tempat yang kurang maju. Kegiatan Kerajaan ke arah ini telah dapat dibuktikan berdasarkan kepada bertambahnya bilangan projek-projek yang diluluskan di kawasan-kawasan kurang maju. Pertambahan-pertambahan tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>				<i>Projek yang diluluskan</i>
1971	...	...	...	164 (43.1%)
1972	...	...	...	186 (52.4%)
1973	...	...	...	277 (58.6%)
1974	...	...	...	332 (63.2%)
1975 sehingga bulan Jun				159 (65.2%)

Beberapa langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan supaya dapat menempatkan kilang-kilang mereka dalam kawasan kurang maju seperti yang telah dijelaskan beberapa kali di Dewan ini termasuklah pemberian berbagai "tax incentive" sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

PENIAGA-PENIAGA GETAH

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa peraturan yang mewajibkan mereka yang menjual getah supaya mempunyai lesen adalah menyusahkan orang-orang kampung. Jika sedar, adakah Kerajaan akan mengkaji semula peraturan ini?

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham akan maksud yang sebenar soalan Ahli Yang Berhormat tersebut. Adakah soalan tersebut menyentuh kesusahan orang-orang kampung berikutan dengan pengenaan lesen terhadap peniaga-peniaga getah. Jika demikian, ingin saya menyatakan bahawa peniaga-peniaga ini diwajibkan mempunyai lesen supaya pengeluaran getah yang disalurkan menerusi peniaga-peniaga getah di negara kita dapat dikawal dengan sempurna.

Sebaliknya, jika soalan itu berhubung dengan pekebun-pekebun kecil getah yang diwajibkan mempunyai lesen cuma \$2.00 setahun untuk mengawit, menyimpan dan menjual getah yang ditanam atau dikeluarkan atas tanah yang diduduki mereka, maka ingin saya maklumkan bahawa Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia semanganya

meneliti dari semasa ke semasa bagi menyenangkan pekebun-pekebun kecil dalam pengeluaran lesen tersebut. Sebagaimana diumumkan dalam Dewan Rakyat yang lalu, Lembaga tersebut telah menghantar pegawai-pegawainya ke kampung-kampung yang besar di Semenanjung Malaysia untuk tujuan mengeluarkan lesen-lesen tersebut di pusat-pusat daerah yang tertentu. Sekiranya pekebun-pekebun kecil tidak dapat mengambil lesen-lesennya di masa lawatan pegawai-pegawai tersebut dan sukar untuk ke pejabat-pejabat Lembaga Kawasan, maka mereka bolehlah juga memohon lesen-lesen tersebut melalui pos.

Kedua-dua lesen untuk peniaga-peniaga getah dan pekebun-pekebun kecil ini adalah mustahak dikenakan supaya getah yang dikeluarkan di negara kita ini dapat dengan senangnya sekiranya berlaku penyeludupan keluar negeri. Begitu juga, jika berlaku kecurian getah kepunyaan peniaga-peniaga dan pekebun-pekebun kecil, maka dapatlah siasatan lanjut dibuat dan diteliti berdasarkan tempat asal getah itu dikeluarkan.

Mengenai kadar bayaran yang cuma \$2.00 setahun itu yang dikenakan bagi lesen pekebun-pekebun kecil, sayugia saya maklumkan bahawa bayaran tersebut hanya untuk menampung kos pentadbiran sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa kedudukan sekarang bahawa lesen yang dikenakan kepada pekebun-pekebun kecil iaitu \$2.00 setahun selalunya adalah diminta supaya pekebun-pekebun kecil itu pergi ke satu tempat, satu mukim ataupun daerah di mana pengeluaran lesen ataupun borang diadakan. Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan supaya pegawai-pegawai yang berkenaan itu pergi ke kampung-kampung yang pendalaman sedikit, kerana mereka hendak ambil lesen yang saya katakan tadi mengambil masa sampai dua hari itu mendatangkan kesulitan.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seberapa yang banyak kampung yang boleh mobile yunit ini sampai ianya akan melawat untuk memberi lesen kepada pekebun-pekebun kecil. Tetapi seperti saya katakan, tak payahlah orang-orang kampung pendalaman keluar sampai dua hari mengambil masa. Mereka

boleh poskan permohonan untuk mendapatkan lesen itu. Jadi, saya fikir soal ini tidak timbul.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Oleh kerana kampung-kampung pendalaman itu kebanyakan tidak ada tempat hendak pos, seperti di Ulu Dungun di tempat saya orang-orang pendalaman itu hendak pos surat tidak ada tempat. Jadi, bolehlah Yang Berhormat Menteri membuat cadangan penghulu penduduk di sana itu boleh mengeluarkan lesen ini.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Lembaga Pelesenan sendiri telah mengambil alih kerja ini. Jadi, tidaklah dapat kita menyuruh atau meminta penghulu pergi ke kampung-kampung untuk mengutip wang ini. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat memastikan kampung mana yang terlampau jauh yang dikehendaki pasukan ini melawat, bolehlah kita pastikan di manakah tempat semolek-moleknya orang kampung pendalaman itu harus pergi, untuk mengelakkan kesusahan kepada orang kampung.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penerangan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan tujuan peraturan dikenakan kepada orang kampung mengambil lesen sebanyak \$2.00 ini bagi mengelakkan penyeludupan dan berlakunya kecurian. Jadi, saya ingin tahu, adakah pihak Kementerian yang berkenaan telah menentukan bagi tiap-tiap pekebun-pekebun kecil itu menentukan "chop" masing-masing ataupun bagaimanakah caranya pihak Kementerian ini dapat mengenalkan di antara getah yang diseludup dengan getah yang tidak diseludup dan getah yang dicuri dengan yang tidak dicuri.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, lesen yang dikenakan ini bukan untuk mengelakkan kecurian, tetapi untuk mengesan siapa yang ada mengeluarkan getah sebanyak mana di satu-satu kampung. Jadi, inilah satu daripada langkah untuk kita mengelakkan kemungkinan kecurian dan orang menyimpan getah yang dicuri.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diadakan "chop" ataupun tanda tertentu untuk getah yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil misalnya, ini adalah perkara yang sangat rumit barangkali kalau

hendak kita buat barangkali kena menaikkan harga pula lesen itu sebab kos pentadbirannya akan berlebihan daripada yang dikenakan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ini hendak minta tanda macam tanda kepala lembukah? (*Ketawa*)

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi bagaimana caranya hendak membezakan di antara getah-getah yang diseludup dengan getah yang tidak diseludup dan getah-getah yang dicuri dengan yang tidak dicuri—yang halal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah, itu sudah dijawab tadi.

PEMBUNUH ALLAHYARHAM KETUA POLIS NEGARA

6. Tuan Buja bin Gumbilai (*di bawah S.O. (24 (2))*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) sudahkah dapat ditangkap atau dikesan pembunuh Allahyarham Ketua Polis Negara dahulu, oleh kerana pada satu masa dahulu ada ura-ura mengatakan pembunuh itu akan dapat ditangkap dalam sedikit masa lagi, jika tidak, adakah kes ini ditutup begitu sahaja; dan
- (b) sudahkah pelempar-pelempar bom tangan ke atas anggota-anggota Polis Hutan di Jalan Pekeliling itu dapat ditangkap setelah mengadakan beberapa sekatan jalanraya dan tangkapan seperti yang diumumkan oleh Kerajaan, jika ya, bilakah mereka akan didakwa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar jika Ahli Yang Berhormat itu menyangkakan kes pembunuhan Allahyarham Ketua Polis Negara telah tutup begitu sahaja. Tiada had masa bagi tindakan undang-undang diambil sampai bila-bila pun boleh dilaksanakan. Penyiasatan-penyiasatan telahpun dimajukan dan buat sementara waktu memadamkan saya menyatakan sesungguhnya penyiasatan sedang dan terus dijalankan mengenai kes pembunuhan ini.

- (b) Beberapa orang yang disyaki telahpun ditangkap dan penyiasatan lanjut sedang dan terus dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apabila penembakan dan pembunuhan Allahyarham Ketua Polis Negara berlaku, pihak Polis ada berkata bahawa kes ini tiada ada bersangkutan-paut dengan kegiatan-kegiatan komunis. Adakah pandangan polis masa itu berubah sekarang?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya telah katakan tadi, saya tidak dapat memberikan gambaran yang jelas dalam Dewan ini buat sementara waktu ini.

HARGA LADA HITAM DI SARAWAK

7. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawal harga lada hitam di Sarawak yang kian merosot.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar jika dikatakan bahawa harga lada hitam di Sarawak merusut sepanjang masa. Sebenarnya, ada kalanya naik dan ada kalanya turun. Misalnya, dalam bulan Jun tahun ini harga lada hitam telah turun; jenis puteh No. 1 ialah \$184 dan bagi lada hitam jenis biasa No. 1 \$129. Tetapi dalam bulan Julai harga telah meningkat dan semenjak itu telah terus meningkat, kecuali dalam bulan September dan terdapat sedikit turun yang mana harga purata sepikul pada bulan Oktober lada hitam jenis puteh untuk No. 1 ialah \$214 dan bagi lada hitam No. 1 jenis biasa \$158. Berdasarkan kepada aliran kenaikan harga ini adalah diramalkan bahawa harga lada hitam akan terus meningkat atau sekurang-kurangnya tidak turun daripada paras harga sekarang. Adalah sukar bagi Kerajaan hendak mengawal harga lada hitam kerana harganya bergantung kepada harga di pasaran dunia dan kita hanya satu di antara negara-negara yang mengeluarkan lada hitam. Walau bagaimanapun, Lembaga Pemasaran Lada Hitam telah melaksanakan satu rancangan kawalan pemasaran untuk mengawal kegiatan pembeli-pembeli melalui

pelesenan ini dapat menentukan petani-petani memperoleh harga yang berpatutan mengikut keadaan pasaran pada satu-satu lesen.

Selain daripada itu, Lembaga Pemasaran Lada Hitam juga sedang menubuhkan pusat-pusat menggered dan memproses supaya lada hitam yang dikeluarkan di negeri ini dapat digredkan dan diproses mengikut gred-gred yang dikehendaki oleh pasaran dunia dengan tidak bergantung kepada Singapura seperti sekarang. Dengan jalan ini, negara kita akan dapat lebih pendapatan daripada eksportnya.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN—PERLAKSANAAN

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan perlaksanaan setakat ini oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) rancangan memajukan pemasaran kacang tanah di Kelantan, Trengganu, Perak dan Pahang;
- (b) projek mendirikan pusat-pusat borong untuk sayur-sayuran dan buah-buahan Semenanjung Malaysia; dan
- (c) keperluan kredit oleh penanam-penanam sayur.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rancangan-rancangan FAMA untuk memperbaiki sistem pemasaran dan memajukan pasaran bagi kacang tanah di Semenanjung Malaysia termasuk di Kelantan, Trengganu, Perak dan Pahang adalah seperti berikut:
 - (1) Mengadakan rancangan kawalan pemasaran yang akan dikuatkuasakan pada awal tahun hadapan untuk mengawal kegiatan pembeli-pembeli melalui pelesenan bagi menentukan mereka memberi layanan yang adil semasa membeli kacang tanah daripada petani-petani.
 - (2) Melibatkan diri di dalam pembelian kacang tanah daripada petani-petani samada melalui Persatuan Peladang ataupun Kooperasi Peladang ataupun terus

kepada petani-petani untuk mengadakan luang-luang pemasaran tambahan, dan untuk menambahkan persaingan supaya petani-petani dapat memasarkan kacang tanah mereka dengan harga yang berpatutan.

- (3) Mendirikan pusat-pusat pasaran kacang tanah untuk menambahkan keupayaan membeli kacang tanah daripada petani-petani. Satu pusat sedang didirikan di Pasir Mas, Kelantan dan satu lagi akan didirikan di Rompin, Pahang.
- (4) Menjalankan usaha-usaha untuk meluaskan pemasaran kacang tanah di pasaran dalam dan luar negeri seperti negeri-negeri Jepun, Timur Tengah, Eropah, Kanada dan juga Amerika Syarikat.
- (b) FAMA tidak ada rancangan untuk mendirikan pusat-pusat menjual borong khasnya untuk sayur-sayuran dan buah-buahan di Semenanjung Malaysia. Walaupun demikian, FAMA ada rancangan untuk menubuhkan pusat-pusat pemasaran bagi hasil-hasil pertanian dan pembinaan sebanyak 75 buah pusat ini sedang dirancang. Dua buah pusat pemasaran tersebut dijangka siap tidak lama lagi dan pusat-pusat ini akan menjalankan sebagaimana di tempat pengeluaran hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani, khasnya hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan di bawah Rancangan Buku Hijau.
- (c) FAMA tidak ada rancangan untuk memberi credit kepada penanam-penanam sayur. Walau bagaimanapun, kredit-kredit yang diperlukan oleh petani-petani boleh didapati daripada Bank Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Institusi-institusi yang lain.

TEMPAT SEMBAHYANG (MADRASAH) DI SEKOLAH BARU

9. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar pihak Kementerian pernah mengarahkan supaya bangunan-bangunan sekolah yang baru yang akan dibuat mesti dilengkapi dengan tempat sembahyang (madrasah); jika tidak, bilakah arahan yang baik ini akan dikeluarkan.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya, ya. Kementerian saya bercadang untuk mengadakan tempat sembahyang di tiap-tiap sekolah baru yang akan dibina pada masa yang akan datang.

Tuan Haji Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Pada sekolah-sekolah yang dibuat dan belum lagi ada madrasahnyanya maka apakah cadangan pihak Kementerian untuk mengadakannya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seberapa yang boleh kita akan cuba mengadakan tempat bilik sembahyang ini di sekolah-sekolah yang telahpun dibina dengan menggunakan apa-apa bilik yang tidak digunakan untuk kepentingan yang lain.

Tuan Haji Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Sekolah yang akan dibuat, adakah madrasah yang akan dibuat

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa bercakap kenalah buka ear-phone, kalau tidak kuat sangat bunyinya, tetapi di luar tidak kuat. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Pada sekolah yang akan dibuat maka adakah bangunan madrasah ini akan dibuat bersendirian begitu ataupun hanya menggunakan bilik-bilik darjah?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tempat sembahyang ini akan merupakan bilik seperti bilik darjah juga.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan. Di tempat-tempat yang ada bilik untuk sembahyang seperti madrasah dan sebagainya di sekolah-sekolah, maka nampak pada kita kebanyakan bilik itu kosong sewaktu sembahyang asar. Jadi, adakah pihak Menteri bercadang, umpamanya, untuk melepaskan murid-murid Islam bersembahyang waktu asar bagi darjah disebelah petang untuk 10-15 minit sehari.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jika semua ibu-bapa murid-murid Islam hendak supaya anak-anak mereka diberi kelepaan pada masa sembahyang supaya mereka dapat sembahyang tepat waktu sembahyang, pihak Kementerian akan cuba menimbangkan perkara ini, tetapi ini mungkin akan mengganggu pelajaran mereka.

PERADUAN RATU CANTIK

10. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Kerajaan bercadang menggantikan pertandingan Ratu Cantik kepada suatu pertandingan lain yang lebih memberi munafaat kepada negara seperti pertandingan khidmat cekap atau seumpamanya.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah menganjurkan peraduan ratu cantik. Jadi soal mengantikannya itu tidak timbul.

Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim: Terima kasih. Walaupun demikian, memandang kepada sungutan dan teguran-teguran daripada pihak orang ramai mengenai perkara ini, maka adakah Kerajaan akan terus mengambil sikap seperti sekarang ini dengan tidak mahu mencampurinya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalnya ialah minta pihak Kementerian mengganti pertandingan ratu cantik dengan yang lain. Jawabnya, Kementerian tidak pernah menganjurkan pertandingan ini. Jadi, tidak adalah soalan tambahannya.

DOKTOR BEDAH DI RUMAH SAKIT DAERAH HULU PERAK, GRIK

11. Tuan Shamsuddin bin Din minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan akan menempatkan seorang Doktor Bedah di Rumah Sakit Daerah Hulu Perak, Grik untuk kemudahan rakyat di rantau ini, memandangkan jauhnya perhubungan di antara Ipoh dan Grik dan antara Alor Star dan Grik. Jika ya, bilakah Doktor itu akan dihantar ke Grik, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah katakan dahulu, adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk mengadakan tiga bidang kepakaran asas (Perubatan, Pembedahan dan Perbidanan dan Sakitpuan) di semua Hospital Daerah. Ini hanya boleh dapat dilaksanakan apabila kita mempunyai bilangan Pakar-pakar yang cukup. Tentu sekali saya akan membuat pertimbangan untuk menempatkan seorang Pakar Bedah di Hospital Daerah Grik apabila seorang Pakar Bedah dapat ditempatkan di sana. Pada ketika ini, Kementerian saya tidak dapat menempatkan

seorang Pakar Bedah di sana kerana masih belum ada pegawainya, tambahan pula belum ada kemudahan-kemudahan yang cukup di sana.

LORI PERMIT "C"

12. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada satu-satu langkah telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menarik balik Permit "C" yang telah disalahgunakan oleh pemegang-pemegangnya, jika ada, berapa banyakkah permit-permit seperti itu yang telah ditarik balik oleh Kementerian yang berkenaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, tindakan kuatkuasa memang diambil dari masa kesemasa bagi membatalkan permit-permit lesen lori "C" yang menyalahgunakan syarat-syarat yang terkandung dalam lesennya. Jumlah pembatalan permit "C" yang telah dibuat oleh Lembaga Pelesenan dari tahun 1967 hingga akhir bulan September, 1975 ialah 891.

SENJATAPI HILANG/KECURIAN

13. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan jumlah bilangan senjata-senjata api yang hilang dan kecurian dari ahli Angkatan Bersenjata dan pihak swasta pada tahun 1973, 1974 dan 1975 dan tindakan yang diambil ke atas mereka yang kehilangan atau kecurian jika ini berlaku disebabkan oleh kelalaian mereka sendiri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) senjatapi yang telah dicuri dan hilang dari milik anggota pasukan keselamatan dan pihak swasta dalam masa 1-1-1973 hingga 30-9-1975 adalah seperti berikut:

Anggota Pasukan

Keselamatan			Pihak Swasta	
1973	...	8	...	10
1974	...	3	...	14
1975 (hingga 30hb Sept.)	9	...		19

- (b) kes di mana seorang daripada pihak swasta yang memiliki pistol kena curi telah dibicarakan pada 3-3-75 tetapi

didapati tidak bersalah oleh mahkamah. Tindakan sedang diambil ke atas satu kes lagi mengenai seorang dari pihak swasta untuk didakwa di mahkamah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah senjatapi-senjatapi yang hilang ini pernah didapati dijual ataupun diberi kepada pihak-pihak musuh negara.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bukti lagi mengenai perkara ini.

KEKURANGAN MINYAK TANAH/ DIESEL

14. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan kerap kali berlaku kekurangan dan kadang-kadang terputus langsung bekalan minyak diesel dan minyak tanah di setengah-setengah tempat di negara ini yang menyentuh kehidupan rakyat terutamanya di luar bandar, apakah tindakan tegas yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi keadaan ini di masa-masa yang akan datang.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat saya suka memaklumkan iaitu masalah kekurangan minyak tanah dan minyak diesel telahpun dijelaskan di Dewan ini ketika menjawab soalan Yang Berhormat dari Kluang pada 11-11-1975. Walau bagaimanapun, sebagai lanjutan kepada apa yang telah dijelaskan itu Kerajaan telahpun menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk mengkaji masalah kekurangan bekalan ini dan langkah-langkah sedang diatur bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar: Soalan tambahan. Walaupun menurut penerangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan tadi, tetapi kejadian kekurangan minyak tanah ini senantiasa berulang dan berlaku, dan baru-baru ini pun sedang berlaku di kawasan saya sendiri. Jadi, apakah tindakan daripada Kementerian yang berkenaan untuk hendak menghapuskan kejadian yang kerap kali berlaku ini, terutamanya waktu hari kebesaran seperti bulan puasa, hari raya dan sebagainya untuk mengelakkan kesusahan rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah dijawab tadi. Di antara tindakannya ialah menubuhkan Jawatankuasa.

RISDA—PENYELEWENGAN BANTUAN TANAM SEMULA

15. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) oleh kerana telah diketahui oleh Menteri bahawa lebih kurang \$10,000,000.00 telah dilesap oleh Pegawai-pegawai RISDA, langkah-langkah apakah yang diambil oleh Menteri itu untuk menghukum mereka yang bersalah itu; dan
- (b) apakah langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian seperti ini berlaku lagi di RISDA atau di mana-mana badan di bawah kuasanya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, soalan (a) telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 12hb November, 1975 dan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 8hb Julai, 1975.

Soalan (b) juga telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dalam sidang Parlimen pada bulan Julai yang lalu.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perkara rasuah ini telah diasas oleh N.B.I. selepas dua tahun, dan sampai sekarang kita belum dengar apa-apa tindakan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan apakah langkah-langkah atau cara-cara yang akan diambil?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat, perkara yang sudah dijawab dalam Persidangan Parlimen tidak boleh dibangkitkan lagi.

DISPENSARI BERGERAK

16. Tuan Jawan anak Empaling (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau akan memperbaiki Perkhidmatan Dispensari Bergerak yang tidak memuaskan dan tidak memadai

oleh sebab ubat-ubat yang diberi kepada unit-unit ini adalah terhad kerana atendan-atendan perubatan yang mengendali Perkhidmatan Dispensari Bergerak ini tidak layak dengan secukupnya untuk menyenggara berbagai ubat; dan

- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk mengatur semula penempatan kakitangan ke unit-unit perubatan bergerak ini supaya kes-kes yang kurang teruk tidak payah dirujuk kepada Pusat Kesihatan yang tidak bergerak sebagai mana yang diamalkan sekarang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Dispensari Bergerak yang ada sekarang adalah dikendalikan oleh Pembantu Hospital atau setengah darinya oleh Auxilari Perubatan. Auxilari Perubatan telah dibentuk dalam tahun 1973 sebagai rancangan segera. Ini adalah sebahagian daripada rancangan khas untuk memujuk dan menarik minat orang ramai di kawasan-kawasan pedalaman.

Auxilari-auxilari Perubatan hanya merawat penyakit-penyakit ringan. Oleh yang demikian, mereka dibekalkan dengan ubat-ubat dadah untuk merawat penyakit yang mereka dibenarkan merawat.

Kementerian saya ada rancangan bagi membaiki kedudukan sekarang ini Auxilari-auxilari Perubatan akan digantikan oleh Pembantu Muda Hospital dengan cara beransur-ansur. Pembantu Muda-Pembantu Muda Hospital ini sedang di dalam latihan dan kumpulan pertama akan dapat ditempatkan di Dispensari-dispensari Bergerak dalam bulan Disember 1976.

(b) Dalam bulan November 1973 Kementerian saya telah memulakan satu rancangan latihan bagi melatih Pembantu Muda Hospital. Semua Auxilari Perubatan yang menjaga dispensari-dispensari bergerak akan beransur-ansur digantikan oleh Pembantu Muda Hospital terlatih. Dengan ini kebanyakan dari penyakit-penyakit ringan akan dapat dirawat di Dispensari-dispensari Bergerak.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menghantarkan pelatih-pelatih ataupun Pembantu Muda Hospital ini ke kawasan-kawasan yang

terlampau ulu, seumpama kawasan Ulu Kelantan, Ulu Nerus dan sebagainya supaya perkhidmatan Dispensari Bergerak ini dapat berjalan dengan lancar dan orang-orang kampung yang jauh dari bandar-bandar itu dapat perubatan yang sempurna.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengadakan satu dasar untuk memberikan keutamaan perkhidmatan perubatan kesihatan dan perigian kepada negeri-negeri yang begitu maju seperti negeri-negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang dan sebagainya. Bagi Kelantan, Trengganu dan Pahang adalah diberikan keutamaan berbagai-bagai jenis latihan yang mana sedang dijalankan di bawah Kementerian ini dan juga pada hari ini kita mempunyai lebih daripada 5,000 orang dari berbagai latihan sedang dijalankan di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan di negara kita ini.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan bahawa beliau telah menerangkan iaitu unit-unit bergerak ini dilengkapi dengan Pembantu-pembantu Muda di hospital-hospital. Adakah Kementerian beliau bercadang untuk menambahkan pegawai-pegawai seperti bidan, dan penasihat-penasihat perancang keluarga bersama-sama dengan unit bergerak ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ialah di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini memang berkehendakkan berbagai-bagai jenis latihan yang sedang dijalankan dan berbagai-bagai kakitangan telah diambil di kawasan luar bandar khususnya Bidan-bidan dan juga Pembantu Muda Hospital, dan juga berbagai-bagai kemudahan yang boleh disampaikan kepada kawasan luar bandar itu telah disampaikan.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa beliau bercadang hendak menempatkan Pembantu-pembantu Muda Hospital dalam bulan Disember 1976. Adakah penempatan itu akan berlaku serta-merta ke kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi dan adakah akan dimulakan pada bulan Disember tahun 1976.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, latihan yang sedang dijalankan di bawah Kementerian ini di antara Malaysia Barat, dan Malaysia Timur adalah berlainan sedikit, oleh kerana di Malaysia Timur itu kadang-kadang Kementerian ini sudah mendapat calun-calun yang layak untuk memberi latihan seperti Pembantu Muda Hospital dan sebagainya. Dengan itu kita mengadakan satu rancangan dengan segera seperti Crash Programme untuk memberi latihan kepada orang-orang yang boleh dilatih sebagai Auxilari-auxilari Perubatan sahaja yang sedang dijalankan di Malaysia Timur sekarang. Di Malaysia Barat ini, memang kita telah mengadakan berbagai-bagai latihan yang sedang dijalankan umpamanya di Sekolah-sekolah Latihan, Kota Bharu, Trengganu dan juga Kuantan. Bilangan pengambilan calun-calun itu telahpun ditambah. Jadi diharap dengan angka yang telah diambil ini bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang diperlukan untuk berkhidmat di kawasan itu akan dapat diatasi dan juga tidak menghadapi kekurangan pada masa yang akan datang.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya soalkan sebenarnya bukanlah mengenai di Malaysia Timur, yang saya soalkan yang paling mudah sekali iaitu mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi beliau telah mengatakan bahawa dalam bulan Disember, 1976 penempatan semula akan ditambah juga kakitangan hospital dengan menempatkan Pembantu Muda Hospital yang akan dimulakan pada bulan Disember, 1976. Jadi, saya hendak bertanya, apakah rancangan itu akan dimulakan di Kelantan dan di kawasan-kawasan yang ulu sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tadi saya telah mengatakan nada itu harap ditinggikan sedikit supaya Yang Berhormat Menteri pun dapat meninggikan nadanya barulah sama-sama satu gelombang ini lain-lain gelombang.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Apa yang saya soalkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah samada pihak Kementerian akan menempatkan kakitangan iaitu Pembantu Muda Hospital yang akan dijalankan oleh pihak Kementerian pada bulan Disember, 1976 ini akan dilaksanakan di Kelantan dan di kawasan-kawasan yang ulu selain daripada negeri Kelantan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian ini tidak ada rancangan untuk mengadakan sebuah sekolah latihan Pembantu Hospital di Kelantan. Kita cuma mengadakan Sekolah Latihan untuk Pembantu Hospital di Negri Sembilan sahaja. Jadi semua Pembantu-pembantu Hospital dilatih di Negri Sembilan, dan apabila mereka itu lulus mereka akan dihantar ke kawasan luar bandar seperti negeri Kelantan dan sebagainya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menerangkan iaitu di Semenanjung Malaysia ini perkhidmatan unit bergerak dilengkapi dengan beberapa orang pegawai muda dan bidan serta lain-lain, memandangkan kepada beberapa perkara, umpamanya masaalah penyalahgunaan dadah yang berlaku terutama di dalam bandar. Jadi, adakah Kementerian beliau bercadang untuk melengkapi ubat-ubat sementara untuk menolong kepada penagih-penagih dadah, sekiranya mereka datang mengadu hal kepada unit bergerak, ubat-ubat sementara dilengkapi kepada unit tersebut supaya dapat menolong penagih dadah itu buat sementara waktu. Adakah beliau bercadang untuk mengadakannya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi mengapa hendak ditambah bidan pula? (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Bukan, tadi berkenaan dengan anti-dadah.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan seperti itu di kawasan Kuala Lumpur di mana penagih-penagih dadah itu boleh dapat dirawat di hospital-hospital yang berdekatan dan dari doktor-doktor yang berlatih. Kita tidak benarkan satu jenis ubat untuk diberi kepada pemuda-pemuda kita yang telah terlibat dalam perkara dadah.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar masaalah penagih-penagih dadah yang berlaku dalam bandar kebanyakan di antara mereka itu malu hendak pergi ke hospital sebab mereka itu sudah terlatih, takut kalau pergi ke hospital nanti nama-nama mereka itu didaftarkan. Jadi oleh sebab

berasa malu mereka tidak mahu pergi ke hospital. Berhubung dengan perkara ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada boleh atau tidak menolong mereka untuk sementara waktu dengan cara menghantar ubat-ubat melalui yunit-yunit bergerak yang sedang berjalan pada hari ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini memang boleh disifatkan sebagai merbahaya kalau disalahgunakan. Pada setakat ini Kementerian saya, Biro Anti Narkotik dan juga Kementerian Kebajikan Am telah bekerjasama dengan rapatnya dan berbagai-bagai rancangan akan diadakan melalui Jawatankuasa itu.

LESEN TEKSI MALAYSIA MULTI-PURPOSE COOPERATIVE SOCIETY

17. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada siasatan lanjut telah dibuat setelah menerima surat beliau (Y.B. Oh Keng Seng) bertarikh 24hb Mei, 1975 seperti berikut:

"PER: LESEN-LESEN TEKSI

Berhubung dengan pertanyaan lisan saya di dalam Dewan Rakyat pada Mac 31 mengenai lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan kepada Syarikat Kerjasama Serbaguna Malaysia atau (Malaysia Multi-purpose Co-operative Society), saya akan banyak berterima kasih jika pihak Yang Berhormat Menteri dapat menyiasat aduan yang berikut saya ini.

Saya telah menerima beberapa laporan bahawa Syarikat tersebut ini telah melanggar syarat-syarat yang dikenakan pada lesen-lesennya dengan memajak lesen-lesen tersebut kepada orang ramai. Saya telah juga membaca laporan tahunan 1974 syarikat tersebut dengan teliti tetapi tidak dapat membaca apa juga berkenaan dengan asset seperti teksi-teksi. Boleh jadi syarikat ini tidak mempunyai teksi-teksi kerana lesen-lesennya telah dipajak kepada orang lain.

Pada pendapat saya, jika tidak begitu, senyap syarikat tersebut mengenai asset-asset seperti teksi dan perniagaan teksi adalah sangat ajaib.

Besarliah harapan saya bahawa pihak Yang Berhormat Menteri akan menyiasat perkara ini sebelum sidang Parlimen yang akan datang."

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menjawab soalan ini oleh sebab beliau sendiri ada faedah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu terpulanglah kepada pihak mana yang suka hendak menjawab.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu belum buat homeworknya, sebab Yang Berhormat itu berkata saya ada personal interest. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan soalan yang telah ditimbulkan, dukacita saya memaklumkan bahawa surat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tidak dapat dikesan. Walau bagaimanapun, penyiasatan telahpun dijalankan oleh Pegawai-pegawai di Jabatan Pengangkutan Jalan berikutan dari pertanyaan-pertanyaan mengenai-nya di Dewan ini pada mesyuarat-mesyuarat yang lepas. Adalah difahami bahawa sudah menjadi dasar Syarikat Kerjasama Serbaguna Malaysia atau Malaysia Multi-Purpose Co-operative Society ini untuk menggalakkan Ahli-ahlinya menjalankan teksi-teksi yang dibenarkan kepada Syarikat tersebut. Untuk melaksanakan dasar tersebut, ahli-ahli yang berminat hendak menjalankan teksi-teksi kepunyaan Syarikat ini diberi pinjaman wang daripada separuh hingga 2/3 harga-harga kereta yang dibelinya itu. Dan perkhidmatan teksi-teksi ini adalah atas nama Syarikat itu sendiri. Disebabkan teksi-teksi yang dijalankan oleh Ahli-ahlinya atas nama Syarikat itu sendiri dengan kemudahan pinjaman wang serta dikawal oleh Syarikat itu, maka soal pajak-memajak tidaklah timbul sama sekali.

Sebagai yang dijelaskan terlebih dahulu iaitu Syarikat ini telah memberi kemudahan pinjaman kepada Ahli-ahlinya yang menjalankan teksi-teksinya itu maka sungguhpun dalam Penyata Tahunan 1974 tidak menyatakan tentang "asset" teksi-teksi tersebut, tetapi perkara ini boleh didapati di bawah tajuk "pinjaman".

Selain daripada penjelasan yang diberi tadi, Kementerian saya tidak ada menerima sebarang rungutan ataupun aduan dari Ahli-ahli Syarikat tersebut yang menghendaki penyiasatan yang lebih rapi lagi perlu dijalankan.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Timbalan Menteri sedar permit-permit teksi yang diberi kepada syarikat ini ialah untuk semua Ahli-ahli syarikat dan bukan untuk 50 atau 52 orang ahli sahaja. Inilah tujuan syarikat dan saya ingat inilah juga tujuan Kementerian memberikan permit teksi kepada syarikat ini. Sekarang saya suka hendak bertanya sehingga sekarang permit-permit teksi ini diberi untuk syarikatkah atau untuk ahli sahajakah?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir Ahli Yang Berhormat itu kurang faham Bahasa Malaysia. Seperti yang telah saya cakapkan dengan jelas tadi lesen-lesen ataupun permit-permit ini dikeluarkan di atas nama syarikat itu.

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN INGGERIS DITUKAR JADI SEKOLAH KEBANGSAAN

18. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa sekolah-sekolah rendah atau menengah jenis kebangsaan yang telah ditukar bahasa pengantarnya ke Bahasa Malaysia dianggap sebagai sekolah-sekolah kebangsaan dan jika ya, samada murid-murid di sekolah-sekolah yang berkenaan itu menerima layanan yang serupa dengan murid-murid sekolah kebangsaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, benar, benar, benar (*Ketawa*). Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris telah pun ditukar menjadi Sekolah Rendah Kebangsaan mulai daripada tahun ini, kerana sekolah-sekolah tersebut sudah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar untuk semua matapelajaran hingga ke Darjah Enam.

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris akan ditukarkan juga menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan apabila Bahasa Malaysia digunakan sebagai Bahasa Pengantar untuk semua matapelajaran dalam semua Tingkatan.

Semua murid-murid yang bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan walaupun berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) adalah mendapat layanan yang sama dari Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun dari segi peminjaman buku teks kepada murid-murid akan berasaskan kepada kemampuan murid-murid di sekolah itu.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa untuk meninggikan imej sekolah-sekolah yang dahulunya dikenali dengan sekolah kebangsaan, guru-guru dari sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan sepatutnya ditukarkan ke sekolah-sekolah kebangsaan yang bertujuan untuk mengimbangkan penempatan guru-guru dari berbagai-bagai bangsa dan kelulusan. Sejauh manakah langkah-langkah telah diambil?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang asal ini mengenai kesah murid; ini sudah kesah guru pula dan kesah guru sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam satu soalan yang dikemukakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 adalah seperti di bawah ini)

PENGURUSAN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DI SARAWAK

3. Tuan Luhath Wan minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar ada beberapa bangunan sekolah Rendah Kerajaan di luar bandar Negeri Sarawak yang sudah buruk keadaanya dan hampir-hampir roboh. Jika sedar, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap perkara tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Salah satu daripada objektif Kerajaan mengambilalih Pengurusan Sekolah-sekolah Rendah daripada Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak ialah untuk mempercepatkan pembangunan pelajaran rendah khususnya di kawasan-kawasan luarbandar. Semenjak 1973, lebih dari 50 projek-projek bangunan sekolah rendah telah disiapkan. Ini termasuk bilik-bilik darjah, rumah-rumah guru dan asrama-asrama bagi murid-murid. Adalah dianggarkan bahawa sejumlah \$10.6 juta akan dibelanjakan menjelang akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Langkah-langkah lain termasuklah pembinaan bilik-bilik darjah sementara untuk menampung keperluan segera, dan memperbaiki serta memperbaharui bangunan-bangunan sekolah separuh kekal (sub-standard type) samada dengan cara gotong-royong atau melalui Jabatan Kerja Raya. Akan tetapi Ahli Yang Berhormat tentulah menyedari bahawa disebabkan oleh banyaknya bilangan sekolah-sekolah seperti itu dan kedudukannya

yang bertaburan di merata tempat, maka masa dan wang yang banyak adalah diperlukan untuk melaksanakan perubahan-perubahan serta kerja-kerja pembaikan di bawah rancangan bangunan sekolah kita.

Untuk melaksanakan tujuan ini, satu tambahan besar dalam peruntukan wang pembangunan telah diminta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk mempercepatkan lagi rancangan bangunan termasuk mendirikan sekolah-sekolah baru, memperluaskan bangunan-bangunan sekolah yang sedia ada dan mengganti bangunan-bangunan separuh kekal.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb November, 1975).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,649 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. (20hb November, 1975).

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Penyelerasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, mengenai masaalah saham-saham yang ditawarkan semenjak tahun 1971 hingga tahun 1974 kepada bumiputra oleh syarikat-syarikat tetapi belum lagi diambil atau dibeli oleh bumiputra, saya menyebutkan jumlah saham tersebut ialah sebanyak \$264.8 juta.

Kebanyakan saham-saham ini adalah saham-saham syarikat-syarikat yang belum begitu maju dan belum mendapat keuntungan lumayan. Oleh yang demikian tidaklah adil dan wajar bumiputra diminta mengambil saham dari syarikat-syarikat yang tidak begitu begitu menguntungkan yang kemungkinan pengeluaran dividennya tipis dan mempunyai masa hadapan yang diragukan. Untuk mengatasi masaalah ini, saya suka memaklumkan bahawa MARA telah diminta untuk meneliti cara-cara bagaimana saham-saham yang belum diambil oleh bumiputra ini dapat dikeluarkan dengan jalan yang sebaik-baiknya. Satu jawatankuasa yang bernama "Mengatasi masaalah-masaalah saham-saham yang diuntukkan kepada bumiputra dan masih belum dibeli lagi" telahpun meneliti cadangan-cadangan ini dan akan membuat perakuan-nya kepada Kerajaan tidak lama lagi. Adalah dipercayai satu penyelesaian tentang perkara ini dapat dibuat nanti.

Menyentuh tentang kemudahan pinjaman yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil oleh MARA, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telahpun memberi pandangannya tentang masaalah ini. Saya ingin menyatakan di sini bahawa tidaklah menasabah MARA dibubarkan semata-mata kerana ianya tidak memberi kemudahan pinjaman kepada bukan bumiputra terutama peniaga-peniaga dan menubuhkan pula suatu badan yang lain bagi memelihara keperluan dan kepentingan semua kaum. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu faham akan sebab-sebab mengapa MARA ditubuhkan khususnya dari segi hendak mencapai matlamat negara iaitu menyusun semula masyarakat dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tambahan pula masaalah memajukan bumiputra di dalam semua bidang adalah suatu masaalah negara yang mesti diselesaikan kerana ia boleh menghalang pencapaian matlamat negara bagi membina suatu bangsa yang bersatu padu dan negara yang aman-damai. Kita percaya MARA

dengan tanggungjawab yang ada padanya boleh membantu menyelesaikan masalah kemajuan bumiputra di semua bidang ini dan seterusnya dapat pula membantu mencapai matlamat negara.

Saya fikir adalah tidak wajar dalam keadaan yang dihadapi oleh negara pada hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat hanya hendak menimbulkan masalah ataupun keuntungan-keuntungan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk bumiputra dengan tidak menimbangkan pula kemudahan-kemudahan yang juga disediakan oleh Kerajaan kepada bukan bumiputra. Adalah tidak wajar juga kita menyebutkan masalah satu-satu kaum sahaja kerana ini adalah bertentangan dengan masyarakat adil yang sedang diwujudkan oleh Kerajaan. Sebenarnya setiap kaum di negara ini memperoleh kemudahan daripada rancangan-rancangan Kerajaan terutama bagi mereka yang hendak menceburkan diri di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru khususnya para peniaga, samada melalui bank-bank perdagangan ataupun melalui Syarikat Jaminan Keredit atau CGC. Sebagai contoh, Syarikat Jaminan Keredit telah mengeluarkan jaminan sebanyak 264.3 juta ringgit dan daripada jumlah ini sebanyak 152.9 juta ringgit atau 57.8% telah dikeluarkan bagi keperluan peniaga-peniaga bukan bumiputra. Jika dibandingkan pula angka ini dengan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA bagi peniaga-peniaga bumiputra, maka perbezaannya adalah tidak begitu nyata kerana semenjak MARA ditubuhkan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan olehnya hanya sebanyak 232.9 juta ringgit. Kalau angka-angka ini dicampurkan pula dengan kemudahan-kemudahan keredit yang telah diberi oleh bank-bank perdagangan pada keseluruhannya maka kemudahan-kemudahan yang telah diperoleh oleh bukan bumiputra adalah jauh melebihi daripada kaum bumiputra sendiri.

Berhubung dengan masalah pinjaman MARA ini juga Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menyuarakan tentang kesulitan para guru yang melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan akibat tindakan MARA memberhentikan pinjaman bagi mereka itu. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada beliau di atas perhatian berat yang telah diberikan tentang masalah ini terutama dari segi hendak memelihara kepentingan para guru kita.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat pinjaman untuk guru-guru ini diadakan oleh MARA menimbangkan para guru pada masa-masa yang lalu tidak mendapat peruntukan separuh gaji jika mereka melanjutkan pelajaran di universiti tempatan. Pinjaman bagi guru-guru ini diadakan oleh MARA sebagai interim measure (tindakan sementara) sementara menunggu keputusan Kerajaan bagi memberi separuh gaji kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran di universiti. Baru-baru ini Kerajaan telahpun mempersetujui peruntukan separuh gaji kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran di universiti dan dari sebab itu mulai daripada tahun hadapan MARA memutuskan untuk memberhentikan sekim pinjaman kepada guru-guru ini.

Saya maklum akan kesulitan para guru yang melanjutkan pelajaran di universiti. Kesulitan ini akan lebih-lebih lagi dirasakan bagi mereka yang telahpun berumah tangga dan mempunyai tanggungan yang berat khususnya bagi mereka yang mempunyai anak yang sedang bersekolah. Saya juga akui bahawa kalau pertimbangan tidak diberi kepada kes-kes yang tertentu walaupun mereka itu mendapat separuh gaji, maka ada kemungkinan setengah daripada mereka yang sedang melanjutkan pelajaran ini dan yang akan tamat tidak berapa lama lagi akan terpaksa mengundurkan diri daripada melanjutkan pelajaran mereka.

Ini sudah tentu akan mendatangkan kerugian bukan sahaja kepada guru itu sendiri bahkan juga kepada keluarganya, kepada perkhidmatan pelajaran dan seterusnya kepada bangsa dan Negara. Maka menimbangkan masalah ini, saya telah mengarahkan kepada MARA untuk mengkaji semula keputusan yang telah dibuatnya itu dan menimbangkan rayuan daripada guru-guru ini mengikut merit of each case. Saya harap pertimbangan ini akan dapat dibuat dengan seberapa segera oleh MARA.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang masalah UDA menempatkan bumiputra di bangunan-bangunan yang dibina olehnya. Suka saya menyatakan di sini walaupun UDA belum lagi menyiapkan pembinaan bangunan-bangunannya, UDA telahpun berjaya menempatkan seramai 730 orang peniaga-peniaga di Wilayah Persekutuan. Bagi menentukan bahawa akan ada jumlah bumiputra yang cukup untuk memenohi ruang-ruang niaga yang sedang diusahakan,

Kementerian Penyelaras Perbadanan Awam sedang menyusun satu rancangan bagi menyelaraskan kegiatan UDA dengan badan-badan yang lain seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan MARA. Bidang tugas tertentu akan diatur bagi badan-badan ini untuk memenuhi keperluan peniaga-peniaga bumiputra di berbagai peringkat. UDA akan ditugaskan menampung keperluan peniaga-peniaga di Ibu-ibu Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di bandar-bandar yang lain dan MARA di kawasan-kawasan luar bandar. Perhatian khusus akan diberi kepada MARA untuk menumpukan rancangan pinjaman, bimbingan khidmat nasihat dan pembangunan enterprenya bagi mewujudkan seberapa ramai peniaga-peniaga bumiputra di berbagai peringkat. Dengan adanya penyelarasan ini, maka pertumbuhan dan perkembangan masyarakat peniaga bumiputra dapat diwujudkan terus menerus daripada kawasan luar bandar ke bandar-bandar dan ke Ibu-ibu Negeri. Apabila pertumbuhan masyarakat peniaga bumiputra ini dapat dijamin dan kemajuan perniagaannya daripada peringkat kecil hingga ke peringkat setinggi-tingginya dapat dibantu daripada semasa ke semasa oleh badan-badan yang berkenaan, maka masalah memenuhi ruang-ruang perniagaan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh UDA atau badan-badan yang lain ini akan dapat kita atasi.

Mengenai pembangunan bandar-bandar baru seperti di Pahang Tenggara, Johor Selatan, Lembah Kelang, kawasan Bandaran Kuantan, UDA sejak mulanya diwakili dalam kumpulan kemahiran atau 'expert party' yang membuat kajian berkenaan dengan pembangunan bandar-bandar baru di kawasan-kawasan tersebut. Sejauh mana UDA akan melibatkan diri dari segi pembangunannya akan dikaji mengikut kemampuan dan peluang yang akan diberi kepadanya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah PERNAS, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya PERNAS membeli atau mengambil equiti saham-saham syarikat-syarikat asing. Perkara ini sebenarnya ada dijalankan oleh PERNAS daripada semasa ke semasa melalui Pemas Securities. Pemas Securities sentiasa mencari jalan dan berikhtiar seberapa yang boleh untuk mengambil equiti syarikat-syarikat asing yang

dijangka akan mendatangkan faedah kepada negara dari segala segi terutama dari segi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Setakat ini Pemas Securities telah berjaya mengambil equiti di dalam beberapa buah syarikat asing dan rundingan sedang berjalan bagi mengambil equiti dalam beberapa buah syarikat lagi.

Suka saya tegaskan di sini bahawa bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk memilik negarakan syarikat-syarikat asing. Apa yang dilakukan oleh Pemas Securities ialah untuk menguasai syarikat-syarikat ini dengan pengambilan equiti sebanyak-banyaknya 70% dan sekurang-kurangnya 51%. Jika di dalam syarikat-syarikat asing itu terdapat kepentingan tempatan, maka Pemas Securities akan mengambil equiti sekurang-kurangnya 36%, yang selebihnya akan dibahagikan kepada kepentingan tempatan sebanyak 34% dan asing 30%.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara lagi yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan ini dan saya tidak akan menyentuh satu persatunya. Namun demikian, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran di atas perjalanan badan-badan di bawah Kementerian ini, dan mana-mana yang difikirkan perlu dan memberi faedah dan kebaikan kepada perjalanan perbadanan-perbadanan itu akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas pandangan dan teguran-teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian Perhubungan semasa perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbebalan 1976.

Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching telah menyentuh mengenai bayaran ganti rugi untuk sebuah sekolah Jenis Kebangsaan China Chung Shan di Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat itu, Sekolah China Chung Shan itu adalah tidak termasuk di dalam kawasan yang dikehendaki untuk pembesaran Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang. Oleh itu, perkara pengambilan

tanah dan ganti rugi tidaklah timbul di sini. Kedudukan sekolah itu, seperti yang ada sekarang tidak langsung terlibat dalam melaksanakan pembesaran Lapanganterbang Pulau Pinang tersebut.

Mengenai teguran yang di buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, adalah amat mendukacitakan yang 3 penerbangan pertama untuk bakal-bakal haji yang dikendalikan oleh MAS mengalami kelambatan yang pesat oleh sebab-sebab teknikal yang tidak dapat dielakkan. Walaupun kebanyakan dari kelambatan ini dapat diatasi dalam beberapa jam sahaja, waktu berlepas penerbangan-penerbangan ini terpaksa diatur semula dengan pesatnya oleh kerana Lapanganterbang-lapanganterbang di Jeddah dan Kuala Lumpur ditutup kerana "curfew" di antara tengahmalam hingga jam 6.00 pagi. Memandangkan bilangan kelambatan penerbangan haji yang diluar dugaan MAS telah mengambil langkah yang segera untuk menempatkan satu lagi kapalterbang jenis 707 untuk dijadikan kapalterbang simpanan untuk mengelakkan sebarang kelambatan.

Sehingga 20hb, November ini, MAS telah mengadakan sebanyak 13 penerbangan haji. Semua penerbangan ini kecuali 3 penerbangan yang dipersoalkan berlepas tepat mengikut jadual. Malahan kapalterbang simpanan ini belum pernah digunakan untuk mengganti kapalterbang yang digunakan untuk penerbangan haji itu. Walau bagaimanapun, dengan adanya kapalterbang simpanan saya yakin yang kelambatan tidak akan timbul lagi dalam penerbangan-penerbangan akan datang.

MAS telahpun juga memberi pertolongan kepada Penerbangan Sabah dan kepada Syarikat-syarikat swasta untuk membawa bakal-bakal haji yang terkandas baru-baru ini.

Pihak MAS telah juga membuat penyiasatan untuk kemungkinan mengadakan penerbangan haji dari Butterworth. Tetapi MAS dapati bahawa lapanganterbang di Butterworth tidak mempunyai sebarang kemudahan untuk mengendalikan penerbangan haji, umpamanya, kekurangan kemudahan untuk penumpang dan juga kejuruteraan untuk penerbangan.

Menyentuh pula mengenai cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera berkaitan dengan dasar perkapalan

yang diikuti di Panama dan Liberia telah saya ambil ingatan dan akan dikaji oleh Kementerian saya samada sesuai bagi dasar perkapalan jangka masa panjang negara kita. Terima kasih.

3.37 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap menyentuh perkara-perkara mengenai Kementerian saya, khususnya mengenai Perlaksanaan projek-projek perumahan dan pembangunan dan kemajuan dalam kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, di samping berucap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Perumahan Awam

Ahli Yang Berhormat dari Saratok, telah menyatakan iaitu banyak dari projek-projek perumahan kos rendah telah dilaksanakan di kawasan-kawasan bandaran saja. Di samping mengesyorkan supaya projek-projek perumahan ditumpukan ke kawasan-kawasan luar bandar, beliau juga telah mencadangkan supaya bahan-bahan kayu tempatan lebih digunakan untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga telah meminta supaya rancangan-rancangan perumahan kos rendah dilaksanakan di kawasan luar bandar. Beliau telah menggesa supaya pihak pemaaju swasta juga memajukan perumahan kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah di bandar-bandar dan untuk penduduk-penduduk luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin menegaskan bahawa sebenarnya Kerajaan juga mengutamakan kemajuan perumahan di kawasan luar bandar dan bukan sahaja di bandar-bandar. Perlaksanaan satu-satu projek perumahan kos rendah adalah tertakluk kepada keperluan rakyat baik di bandar ataupun di luar bandar. Kerajaan ada berbagai agensi tertentu baik di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri yang bertugas untuk melaksanakan rancangan perumahan awam bagi golongan yang berpendapatan rendah iaitu termasuklah rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar. Kerajaan telah melancarkan projek-projek perumahan ini dalam

masa yang lampau dan akan terus melancarkannya lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa ini saya tidak dapat menyatakan satu-persatu cadangan Kerajaan bagi masa depan mengenai projek perumahan di luar bandar tetapi ia akan diketahui apakala Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan kelak.

Mengenai syor Ahli-ahli Yang Berhormat dari Saratok dan Batang Padang supaya lebih banyak kayu tempatan digunakan dalam pembinaan perumahan, saya suka memaklumkan iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada rumah-rumah yang akan dilaksanakan akan terdiri daripada rumah-rumah kayu. Rumah-rumah teres dan rumah-rumah pangsa juga akan menggunakan bahan-bahan kayu-kayan tempatan dalam pembinaannya.

(*Dengan izin*) Tuan Speaker, Sir, the Honourable Members for Shah Alam, Johor Baru dan Batu Pahat had urged for the participation of Private Developers to assist and complement Government's effort in its low-cost housing programmes. It is understandable that the private sector, with profit motive in mind, is not too keen to focus its attention on low-cost housing which is not profit-making. Although there are in existence several housing schemes carried out by private developers in joint-venture with State Government to produce low-cost houses of varying degrees for the people, the Government feels that much more can be done and in the Wilayah Persekutuan, certain pieces of land have been set aside, to enable the private sector to demonstrate in a practical manner its capacity and willingness to assist and complement the Government's effort in its low-cost housing programme. The Housing Developers Association has responded to this call by Government and indicated its ability to build 10,000 units in Wilayah Persekutuan on lands provided by Government. It is anticipated that other private sector, organisation/or bodies will also show response.

\$10 million Revolving Fund

The Honourable Member for Sungei Siput had requested that assistance be provided to estate workers to enable them to own houses. This matter, Tuan Speaker, Sir, had been explained earlier in reply to the question posed by the Honourable Member on 5-11-1975. However I would like to stress

that discussion is being held at the moment with Unions or the Estates Management concerned and the Ministry of Labour and Manpower for the implementation of housing schemes for estate workers so that they can also own houses. This scheme is encompassed in the Scheme formulated under the \$10 million Revolving Fund.

The Honourable Member from Batu Pahat had suggested that more low cost houses within the range of \$2,000 to \$4,000 a unit should be built in rural areas. I thank the Honourable Member for his suggestion and I am very happy to inform him that this in fact forms one of the basis of all the schemes to be financed from the Revolving Fund.

Speaking on this point, Sir, a number of the Honourable Members had expressed that the \$10 million allocation for the Revolving Fund is very insignificant. Let me stress that this is actually an initial allocation to help the low-income group to own houses. As stated by the Honourable Prime Minister earlier this allocation will be increased if necessary and when our financial situation permits.

New Villages

The Honourable Members for Ayer Hitam, Bukit Mertajam, Sungai Siput, Hilir Perak, Bukit Bendera and Shah Alam had ushered constructive proposals for the physical and human development of Kampung-kampung Baru.

Tuan Speaker, Sir, the Government does realise the need for improvement of existing facilities and provision of new ones in New Villages. The various State Governments had endeavoured to do so but their efforts towards the development of these New Villages were limited due to their inability to set aside larger allocation for the purpose. As a result of this, the Federal Government had allocated under the Second Malaysia Plan \$10 million as grants to State Governments to implement various development projects in the New Villages. In 1973 under the then Minister with Special Functions, grants totalling \$2.904 million were actually spent on minor development projects in the New Villages. In 1974, the then Minister of Technology, Research and Coordination of New Villages had provided grants amounting to \$3.0 million for the same purpose. With

the Cabinet reshuffle in September 1974, the Ministry of Housing and New Villages was set up under my charge.

There are 465 New Villages in this country. I have visited about 180 of them and have given aid to more than 250 New Villages. From my visit I fully realise that there are still many more problems in the new villages that have to be solved: particularly on land titles, general expansion of the new villages, housing provision and upgrading of basic amenities. These problems I feel cannot be solved speedily solely by the Government without the support and cooperation of the new villagers themselves. Having this in mind, I had announced in late December 1974 a new approach in dealing with the problems of these people. This new approach involved the formation of Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) or Village Development and Security Committee in every new village. This Committee is given the opportunity to plan for the development of its village. Within its capability, the Committee is encouraged to implement projects approved by me with participation of the new villagers on gotong-royong basis. I strongly feel that through this method, a sense of cooperation and participation in community development can be instilled in the minds of the new villagers. Far more important, I hope that by this way the new villagers will realise that their welfare and well-being is and will continue to be attended to and they will appreciate this attempt on the part of the Government. This new approach does pose problems and difficulties, but I have no doubt that these can be overcome during the Third Malaysia Plan period.

On the query about the utilization of funds granted for development of new villages, I wish to inform the Honourable Member for Bukit Mertajam that following my official announcement of the projects approved, my Ministry will take immediate step to issue allocation warrants to the State Secretariat concerned which in turn will sub-allocate to the District Offices to finance the implementation of the projects by the J.K.K.K. under the supervision of the District Officers. If it is found that the J.K.K.K. is not efficient or is not performing its duties, my Ministry and the State Government concerned will not hesitate to replace the Committee immediately.

Tuan Speaker, Sir, the Honourable Members, particularly for Sungai Siput, Hilir Perak and Kepala Batas, had urged the Government to provide more land for the expansion of new villages and to issue individual land title to the new villagers. I must inform the Honourable Members that my Ministry is trying its best and working very closely with the State Governments to provide land to overcome the problem of congestion due to increase of population in the new villages. However it must be pointed out that most of these new villages today are being surrounded by private land and it is therefore almost impossible to find any land within five miles from the new villages. There is, unfortunately, in my humble opinion, no other alternative which can help to improve the present situation than a comprehensive plan to resettle part of the villagers to land schemes. With regard to land titles, I am happy to say that various State Governments have in principle agreed to give 60 years lease to all the new villages in their respective States. During my visit to these States, I have always asked the District Officers to expedite the issues of land titles to the new villagers.

Tuan Speaker, Sir, the Government is also aware of the housing problem existing in the new villages. As a measure to counter this problem a housing scheme whereby the new villagers can build their own houses is included in the \$10 million Revolving Fund. Under this scheme land with basic infrastructure facilities will be given to them to build their own houses.

On the question of unemployment in new villages brought up by the Honourable Member for Petaling, I wish to state that as a measure to overcome this problem both Federal and State Governments have made numerous attempts including special incentives and cheaper land for industrialists to bring industries to these new villagers so as to provide employment for the settlers. However, due to the geographic conditions and the distance from ports and main towns, not very much can be done up-to-date. However with resettlement programme of part of the villagers to land schemes which I have mentioned earlier, it is hoped that these villagers, who are mainly farmers will continue to farm in order to earn their living.

Concerning the supply of electricity to new villages, I wish to inform the Honourable member that this is included in the rural electrification scheme under the Ministry of Power, Technology and Research, State Governments and the National Electricity Board. I understand that under the Second Malaysia Plan, a total of \$26.2 million was given to the Ministry of Power, Technology and Research and the same amount allocated to the various State Governments and the N.E.B. for implementation of this scheme. These authorities have already taken steps to supply electricity to the new villages, through public licensee contractors and rural stations set up by the N.E.B.

On the comment made by the Honourable Member for Petaling that the allocation for grants to State Government to implement development projects for new villages in 1976 has been reduced to \$1.09 million, I would like to clarify that this allocation represents the balance of the \$10 million approved for the Second Malaysia Plan period and should therefore be regarded as an interim measure. The final sum for 1976 will be known once the total bid under the Third Malaysia Plan for this purpose is known. Supplementary provision may be sought during the course of 1976.

I would like to assure the Honourable Members that it has always been the aim of my Ministry to do its utmost within its capability in modernising the human and physical environment of the new villages so that the people can successfully obtain the desired standard of living and be within the mainstream of the Malaysian way of life. I would like to mention that this can only be achieved through joint efforts with other Government agencies concerned with education, welfare, health, public works, drainage, industrialisation, law and order and of course the new villages themselves.

Honourable Members, I am sure, are aware that the unfortunate and under-privileged new villagers have a very unpleasant past and still have an unsatisfactory present, but I do hope that they will have a brighter future.

Honourable Members have associated the new villages with the current security situation. I am as dismayed as anyone in this House. However they may be vulnerable

under the present security situation, generally these people are simple, straight-forward and loyal.

Their existing problems and their future are very dear to my heart, as one who was born and brought up in one of the 465 new villages. I have spoken to the Government officers, in particular at the district level, to do their best and in whatever way possible, to help all these unfortunate and under-privileged people and today I make the same appeal to all of you, fellow Members of this Honourable House, that no matter how busy you are, spend some of your time to represent with these people to give them whatever help you can. These people do not only need material help but they also need moral and spiritual care.

Whatever it may be, I earnestly and sincerely pray that none of the 465 existing new villages will be fenced again, but to achieve this, I need your help.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab seberapa yang saya boleh ulasan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat jawapan-jawapan tersebut memuaskan.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar di sepanjang perbahasan mengenai belanjawan bagi tahun hadapan. Pada keseluruhannya, perkara-perkara yang dibangkitkan meliputi masalah-masalah sosial dan ekonomi bidang pertanian dan perikanan khususnya di dalam usaha memperbaiki kehidupan petani-petani dan nelayan-nelayan di negara ini. Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat pada keseluruhannya banyak menyentuh soal-soal tanaman padi bagi mengisi keluasan negara, Jabatan Parit dan Taliair, Kredit Pertanian dan Perikanan dan juga nasib-nasib nelayan, maka saya mohon izin untuk menumpukan jawapan saya di dalam perkara-perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ialah untuk mewujudkan satu

angkatan petani dan nelayan yang benar-benar dapat menikmati kehidupan yang sempurna dari usaha-usaha yang mereka kendalikan, disamping menambah pengeluaran hasil negara agar dapat menampung keperluan-keperluan sendiri. Setiap tenaga dan jentera Kerajaan adalah digerakkan ke arah mencapai matlamat tersebut. Di bidang pertanian, bukan sahaja keperluan asas sentiasa cuba disediakan, tetapi juga disokong dengan teknik-teknik dan bahan-bahan yang terbaru. Penyediaan taliair yang sempurna, bekalan benih yang bermutu dan kawalan yang rapi sentiasa dilakukan dengan harapan petani-petani mendapat hasil yang maksima dari usaha-usaha mereka. Pendapatan petani-petani bergantung besar kepada kecekapan pemasaran yang disediakan. Satu Badan yang dinamakan Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan bukan sahaja menjadi jambatan antara Rakyat dan Kerajaan tetapi juga berusaha bersama-sama FAMA bagi membolehkan pulangan yang setimpal kepada petani-petani. Cara petani-petani mengendalikan kerja-kerja mereka juga memberi kesan ke atas pendapatan mereka. Dari itu kemudahan-kemudahan kredit di sediakan kepada mereka bagi membeli alat-alat jentera yang sesuai menerusi agensi-agensi seperti Bank Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain agensi Kerajaan yang mengendalikan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, soal beras menjadi makanan utama rakyat di negara ini. Pada masa ini Malaysia dapat menampung kira-kira 82% daripada keperluan berasnya. Sebagai satu langkah untuk mempercepatkan pengeluaran beras yang cukup di negara ini Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar akan berusaha menambahkan hasil tiap-tiap ekar sawah di negara ini. Pada masa ini hitung panjang keluaran sekar sawah ialah kira-kira 468 gantang lebih, walaupun ada kawasan-kawasan seperti di MADA, Tanjong Karang yang mengeluarkan seribu gantang pada seekar. Dari itu Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sedang mengkaji kemungkinan membentuk satu Jawatankuasa Penyelaras menambah pengeluaran padi di kawasan-kawasan utama di dalam usaha mengeluarkan hasil yang lebih banyak. Kawasan-kawasan tersebut ialah di Krian, Trans Perak Peringkat 1, Labu Kubong, Sungai Manik dan Changkat Jong di Perak; Tanjong Karang, Sabak Bernam di Selangor; Kuala Pilah dan

Rembau di Negeri Sembilan dan juga di Melaka. Jawatankuasa Penyelaras ini akan menyelenggarakan tugas-tugas mereka secara "integrated approach" bagi memastikan setiap masalah di satu-satu kawasan itu dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Penumpuan kemajuan di kawasan-kawasan padi yang luas ini diharap akan dapat mencapai kemajuan-kemajuan seperti yang diperolehi di MADA Kedah dan KADA di Kelantan dan juga di kawasan Tanjong Karang dan Sabak Bernam. Pada hemat saya dengan cara ini dapatlah usaha-usaha menambahkan pengeluaran padi diselaras dan dipercepatkan disamping menyelenggarakan rancangan-rancangan lain yang berbentuk jangka panjang ataupun jangka pendek.

Walau bagaimanapun saya merasa puashati di atas kemajuan petani-petani bagi menambah hasil pengeluaran padi mereka terutama sekali di dalam kawasan-kawasan tanaman dua kali setahun yang mana mengikut perangkaan telah meningkat di antara pengeluaran padi tahun 1973 hingga tahun 1974. Sebagaimana di kawasan KADA di negeri Kedah (Luar MADA) pada tahun 1973 pengeluaran bagi satu ekar 486 gantang tetapi bagi tahun 1974 telah meningkat kepada 684 gantang. Di kawasan MADA tahun 1973 hitung panjang 541 gantang, tetapi tahun 1974 telah meningkat kepada 745 gantang. Di kawasan KADA tahun 1973, 375 gantang tetapi tahun 1974 telah meningkat kepada 513 gantang. Di kawasan Krian tahun 1973, 355 gantang dan tahun 1974 telah meningkat kepada 587 gantang. Di Tanjong Karang tahun 1973, 427 gantang, tetapi tahun 1974 telah meningkat kepada 674 gantang. Di Sabak Bernam tahun 1973, 392 gantang tetapi tahun 1974 telah meningkat kepada 678 gantang. Di Besut tahun 1973, 196 gantang, tetapi tahun 1974 telah meningkat 378 gantang, di Sungai Manik tahun 1973, 281 gantang, tetapi tahun 1974, telah meningkat kepada 392 gantang.

Apa yang saya sebutkan ini ialah hitung-panjang bagi tiap-tiap satu ekar bagi kawasan-kawasan yang tersebut. Ini menunjukkan satu kejayaan yang besar hasil daripada kemudahan-kemudahan perairan yang telah disediakan oleh Jabatan Parit dan Taliair dan juga hasil daripada nasihat teknik pertanian daripada Pegawai-pegawai Pertanian serta usaha yang bersungguh-sungguh yang telah disumbangkan oleh petani-petani yang ingin menambahkan pendapatan mereka.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan Parit dan Taliair sebagaimana yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, di sini saya suka memberi penjelasan sebanyak 93 buah rancangan perairan telah dirancang untuk pelaksanaan di dalam tempoh lima tahun rancangan dengan jumlah anggaran sebanyak \$198.34 juta untuk memberi kemudahan-kemudahan perairan kepada kawasan salah seluas lebih kurang 381,000 ekar. Adalah dianggarkan seluas 330,000 ekar akan dapat kemudahan-kemudahan perairan pada akhir tahun 1975 ini. Matlamat terbesar ialah untuk memberi kemudahan-kemudahan menanam padi dua kali setahun meliputi 250,000 ekar bendang.

Rancangan-rancangan besar termasuk Rancangan Perairan MUDA, Rancangan Perairan Kemubu, Rancangan Perairan Besut dan Rancangan Perairan Krian. Sementara itu rancangan-rancangan saliran juga telah berjalan dengan sempurnanya yang mana sejumlah 46 buah rancangan telah dirancang untuk dilaksanakan di dalam tempoh lima tahun dengan jumlah peruntukan sebanyak \$51.24 juta untuk memberi kemudahan-kemudahan saliran kepada kawasan seluas lebih kurang 258,000 ekar. Sebahagian besar matlamat tersebut adalah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada kawasan-kawasan sawah yang ada sekarang dan juga kawasan-kawasan baharu pada akhir tahun 1975. Adalah dianggarkan kawasan-kawasan pertanian seluas 215,000 ekar akan dapat kemudahan-kemudahan saliran rancangan-rancangan besar saliran termasuk rancangan seberang Perak peringkat kedua dan peringkat ketiga, Sabak Bernam dan Tanjung Karang, Bagan Datuk dan juga di dalam rancangan Johor Barat.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) telah ditubuhkan dalam tahun 1971 bagi mempercepatkan lagi pembangunan sektor ini khususnya membolehkan nelayan-nelayan mengecap kehidupan yang lebih sempurna. Kepada nelayan-nelayan modal merupakan masalah utama bagi membolehkan mereka mengubah penangkapan dari cara tradisional kepada cara yang moden. Jabatan Perikanan dan lain-lain ejensi Kerajaan memberikan subsidi dan juga kemudahan pinjaman bagi membolehkan nelayan-nelayan memiliki alat-alat

moden. Latihan-latihan juga diberi kepada nelayan-nelayan untuk menambah kemahiran mereka. MAJUIKAN pula telah melaksanakan rancangan-rancangan membina bot-bot bagi membolehkan nelayan-nelayan bekerja didalamnya dan pada akhirnya memiliki bot-bot itu berdasarkan kemampuan mereka membelinya.

Setakat ini MAJUIKAN telah pun melancarkan sejumlah 62 buah bot pukut tunda yang beratnya tiap-tiap satu antara 30-40 tan dan mengambil pekerja 372 orang nelayan di pusat-pusat perikanan di seluruh negara. Di samping bot-bot pukut tunda, MAJUIKAN juga melancarkan bot-bot pukut jurut dan serbaguna sebagai satu lagi usaha hendak membolehkan nelayan-nelayan memperoleh pendapatan yang lebih baik. Kementerian juga telah mula melancarkan Rancangan Menangkap Ikan di Lautan Dalam. Projek pertama mengandungi sembilan buah bot telahpun dilaksanakan di Kuching, Sarawak. Kajian-kajian lanjut sedang diselenggarakan bagi meluaskan projek demikian di lain-lain kawasan yang sesuai. Perangkaan-perangkaan awal menunjukkan bahawa nelayan-nelayan yang bekerja dengan bot-bot ini mendapat perolehan yang lebih baik. Bilangan nelayan-nelayan yang berlebihan juga menjadi masalah.

Saya sukacita menyatakan setengah-setengah Kerajaan Negeri telahpun mengadakan rancangan memindahkan nelayan-nelayan yang berlebihan ini ke rancangan-rancangan tanah. Usaha ini akan diteruskan dan saya percaya nelayan-nelayan akan bersedia pindah bilamana mereka yakin akan dapat jaminan hidup yang boleh didapati dari rancangan-rancangan yang demikian.

Seperti di bidang pertanian, masalah pemasaran juga memberi kesan yang besar ke atas pendapatan nelayan-nelayan. Dari itu MAJUIKAN telahpun mengadakan rancangan-rancangan pemasaran dan juga kawalan pemasaran di pusat-pusat pengeluaran ikan di seluruh negara. Rancangan ini sebanyak sedikit telahpun membolehkan nelayan-nelayan mendapat peluang yang sewajarnya dan akan diperluaskan lagi mengikut rancangan-rancangan yang telah diatur.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal keredit pertanian dan soal keredit perikanan, ada beberapa ejensi di bawah Kementerian ini yang telah memberi kemudahan kepada

petani-petani dan nelayan-nelayan di dalam negara kita. Di sini suka saya memberi sedikit penjelasan mengenai kemudahan yang telah diberi oleh pihak Bank Pertanian iaitu pinjaman kepada penanam-penanam padi daripada tahun 1970 hingga 1975 iaitu \$50,673,000; kepada penanam tembakau \$16,417,000; kepada kejenteraan pertanian \$4,766,000; lain-lain jenis tanaman \$1,077,000; ternakan \$5,389,000; perikanan \$2,210,000; pembelian tanah \$1,005,000; perusahaan pertanian \$35,919,000; kemajuan ladang \$23,303,000 yang berjumlah daripada tahun 1970 hingga tahun 1975 ialah sebanyak \$140,759,000. Dan disamping itu Lembaga Pertubuhan Peladang yang telah memberi pinjaman antara tahun 1974 hingga 1975 ini sebanyak \$4,788,466 dan Persatuan Peladang Kebangsaan telah juga mengeluarkan pinjaman dalam tahun 1974 dan tahun 1975 ini sebanyak \$1,350,000.

Tuan Yang di-Pertua, dari faktor-faktor ini nyatalah bahawa Kerajaan sentiasa memahami masalah rakyat dan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk memperbaiki keadaan-keadaan yang tersebut di dalam beberapa masalah yang dihadapi oleh petani-petani dan nelayan-nelayan di seluruh negara. Kelincinan perlaksanaan rancangan-rancangan itu pula dipastikan menerusi penyelarasan tindakan daripada tiap-tiap jabatan yang terlibat supaya dapat melahirkan hasil yang benar-benar berfaedah. Dengan cara yang demikian dan disokong oleh kerjasama segenap lapisan rakyat usaha-usaha memperbaiki taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan khususnya di dalam sektor pertanian dan perikanan negara ini amnya akan dapat disempurnakan dengan sebaik-baiknya.

Mengenai lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memberi pengakuan bahawa setiap usaha sentiasa diambil demi kepentingan bidang pertanian dan perikanan istimewa dalam usaha hendak meninggikan lagi taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan di seluruh negara.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan mudah-mudahan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menerusi pegawai-pegawainya serta kakitangannya di semua Jabatan dan petani-petani dan nelayan-nelayan akan terus mendapat taufik dan hidayah daripada Allah s.w. untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat lagi di tahun yang akan datang.

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ber-banyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat berkenaan dengan perkara-perkara mengenai Kementerian Tanah dan Galian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah sekali lagi menyuarakan di dalam Dewan Yang Mulia ini tentang rasa tidak puas hatinya kerana bilangan kaum bukan bumiputra tidak mencerminkan bentuk masyarakat berbilang bangsa bagi negeri ini dalam projek-projek Felda. Sebab-sebab mengapa situasi yang sedemikian telah wujud telah beberapa kali di tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Hakikat yang sebenarnya ialah sebelum tahun 1974 rakyat Malaysia selain daripada kaum bumiputra pada amnya tidak berminat untuk menyertai projek-projek Felda. Bukan sahaja bilangan pemohon-pemohon daripada mereka adalah kecil bahkan juga terdapat kes-kes di mana orang-orang keturunan India dan China telah meninggalkan projek-projek Felda hanya beberapa minggu setelah mereka ditempatkan di rancangan-rancangan itu.

Maka hanya dari 1-12-73 hingga 28-2-74 apabila permohonan bagi menyertai projek-projek Felda di buka semula maka terdapatlah lebih ramai orang-orang keturunan bukan bumiputra yang benar-benar berminat untuk memasuki projek-projek Felda. Ini adalah disebabkan oleh kejayaan projek-projek Felda di mana semua rakyat telah yakin bahawa projek-projek pembangunan tanah Felda telah berjaya dan peneroka-peneroka—terutama sekali dari rancangan-rancangan kelapa sawit telah menerima pendapatan yang sangat memuaskan.

Dalam tempoh tersebut iaitu dari 1-12-73 hingga 28-2-74 seramai 28,612 orang telah membuat permohonan untuk menyertai projek-projek Felda. Daripada bilangan ini terdapat 21,966 pemohon bumiputra atau 76% sementara pemohon-pemohon dari keturunan China adalah 3,453 atau 12% manakala pemohon-pemohon dari keturunan India pula adalah seramai 3,193 iaitu merupakan 11%.

Angka-angka ini juga menunjukkan bahawa pada keseluruhannya pemohon-pemohon dari

kaum-kaum bukan bumiputra adalah tidak setanding dengan pemohon-pemohon bumiputra dan ini akan mencerminkan rupa bentuk rancangan Felda kerana peratus-peratus mereka akan berjaya adalah mencerminkan angka jumlah pemohon-pemohon yang sebenarnya.

Saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada diskriminasi atau pilih kasih terhadap mana-mana kaum dalam soal pemilihan peneroka-peneroka Felda. Peneroka-peneroka ini akan dipilih mengikut penyesuaian dan keperluan-keperluan mereka mengikut syarat-syarat pemilihan serta priority yang ditetapkan oleh pentadbiran Felda yang berdasarkan kepada point sistem semata-mata.

Ahli Yang Berhormat dari Grik telah mencadangkan supaya Kerajaan membuka kawasan-kawasan di sempadan Thai/Malaysia untuk dijadikan projek-projek pembangunan tanah Kerajaan. Perkara ini sebenarnya adalah dalam perhatian Kerajaan dan saya tidak bercadang untuk menghuraikan butir-butir selanjutnya.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyentuh tentang masalaah-masalaah nelayan yang perlu ditempatkan di projek-projek pembangunan tanah. Perkara ini juga adalah dalam perhatian Kementerian Tanah dan Galian dan Felda sedang berhubung rapat dengan pihak Kerajaan Negeri Trengganu di mana dijangka lebih ramai keluarga-keluarga nelayan akan dapat ditempatkan di rancangan-rancangan Felda yang sedang dilaksanakan dalam kawasan Trengganu Tengah.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap pembayaran ganti rugi di atas tanah-tanah kosong yang telah diambil di kawasan-kawasan luar bandar yang terdapat perbezaan tentang harga-harga yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Dalam soal ini, suka saya nyatakan harga-harga tanah-tanah bagi sesuatu kawasan itu semestinya berbeza dengan kawasan-kawasan lain. Ini bergantunglah pula kepada beberapa faktor seperti kedudukan tanah itu; jauh atau dekatnya tanah itu dari kemudahan infrastucture seperti jalanraya, pasar atau 'town' dan kemudahan-kemudahan lain. Umpamanya, tanah yang duduknya jauh dari jalanraya dan kemudahan asas tentulah lebih murah

dari tanah yang dekat dengan kemudahan-kemudahan ini. Tanah dalam hutan tentulah lebih murah daripada tanah yang di pasar. Selain dari itu soal syarat-syarat yang tertentu (express atau implied condition) dalam surat hakmilik juga kegunaannya (usage) dan harga pasaran tanah di sekelilingnya adalah diambil perhatian dalam penaksiran atau penilaian harga-harga tanah itu. Pegawai-pegawai dari pejabat tanah adalah mahir dalam perkara ini dan harga-harga yang ditetapkan oleh mereka bagi maksud pembayaran ganti rugi adalah dibuat setelah menimbang faktor-faktor yang tersebut. Dalam pembayaran ganti rugi atau pampasan Kerajaan adalah berpandu dengan peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip penilaian yang termaktub di dalam Kanun Tanah Sarawak. Walau bagaimanapun jika sekiranya seseorang tuan tanah tidak berpuas hati dengan ganti rugi yang diberi oleh pihak Kerajaan, maka mereka bolehlah mengadu atau membawakan perkara ini ke pihak mahkamah.

Menyentuh tentang tanah di kawasan Mukah dan Balingian yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu maka ingin saya mengatakan di sini bahawa tanah-tanah ini adalah diambil alih oleh Kerajaan bagi pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak untuk rancangan kelapa sawit. Pembayaran ganti rugi sebanyak \$50 saekar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu telahpun dipersetujui oleh tuan-tuan punya tanah itu sendiri dengan pengertian bahawa Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak akan membenarkan dan memberi keutamaan kepada mereka peluang-peluang untuk mengambil bahagian di dalam sekim-sekim itu sebagai pekerja dan sebagai peneroka-peneroka. Ini bermakna bukan saja mereka mendapat wang ganti rugi bahkan juga mereka akan dapat meneroka dan mempunyai hak atas tanah yang mereka serahkan kepada pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak untuk pembangunan dan pembukaan ladang sawit. Mengenai tanah-tanah di Sekau pula mereka adalah dibahagi-bahagikan dengan lot-lot rumah dan lot-lot untuk bertanam lada hitam dan pertanian daripada tanah yang dulunya dibeli daripada mereka.

Jelaslah di sini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengambil alih tanah-tanah ini demi kepentingan rakyat itu sendiri dan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan telah menyentuh tentang kerja-kerja pengukuran tanah di Sarawak yang mengikut beliau akan memakan masa selama 100 tahun untuk diselesaikan. Seperti Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa kerja-kerja pengukuran tanah tidak akan berhabisan kerana apabila satu-satu pekerjaan itu diselesaikan maka timbul pulalah keperluan-keperluan lain.

Tambahan lagi rancangan-rancangan pembangunan di Sarawak semenjak Kemerdekaan adalah sangat pesat dan semuanya menghendakkan perkhidmatan jurukur. Keutamaan mestilah diberi kepada rancangan-rancangan Kerajaan yang memberi kesenangan dan kemudahan sosio-ekonomi kepada rakyat. Di dalam keadaan seperti disebut di atas dan ditambah pula oleh kekurangan jurukur-juruukur professional dan pegawai-pegawai yang terlatih sudah tentu tungakan-tungakan kerja ukur di Sarawak menjadi lebih banyak. Kerajaan Negeri sedar atas kelemahan-kelemahan ini dan ianya sentiasa berusaha untuk mengatasinya dengan menambah kakitangan di Jabatan Tanah dan Ukur, memberi latihan seperti "on-the job-training" dan memberi biasiswa-biasiswa dalam perusahaan ini ke pusat-pusat pengajian, baik di dalam negeri seperti di joint Sarawak/Sabah Survey School di Kuching, di Semenanjung Malaysia mahupun di luar negeri. Tetapi profession ini sebenarnya tidaklah menarik banyak minat di negara kita ini. Ianya begitu glamorous.

Di samping itu juga kerja-kerja pengukuran akan dijalankan secara lebih saintifik seperti dengan penggunaan gambar-gambar udara bagi maksud membuat peta kawasan-kawasan yang tertentu. Saya yakin dalam beberapa tahun lagi kebanyakan daripada masala-masalah ini akan dapat diatasi oleh pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama dan bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan Pusat. Di sini suka saya menyatakan bahawa Kementerian Tanah dan Galian akan memberi pertimbangan yang wajar atas pertolongan yang perlu yang dikehendaki oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak.

Mengenai pemberian Surat Hak Milik kepada tanah-tanah bumiputra (native area land) ini bukannya perkara yang baru. Sebenarnya, soal adjudication of rights on native customary land mulai berjalan dalam tahun 1936. Akan tetapi progresnya adalah begitu lambat. Oleh yang demikian, Kerajaan

dengan tujuan mencapai matlamat memberi surat milik tanah kepada orang-orang bumiputra telah mengarahkan dalam tahun 1973 supaya Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sarawak mengadakan satu crash programme supaya Native land dapat diberi Surat Hak Milik.

Selain daripada kekurangan pegawai-pegawai Ukur dan pegawai-pegawai yang berkaitan dengan usaha pengukuran yang terlatih, masalah yang merumitkan ialah soal adjudication of rights (penentuan atau pengadilan hak-hak-milik). Oleh itu, satu adjudication branch berasingan telahpun diadakan di semua Jabatan-jabatan Ukur di semua Bahagian di Sarawak untuk mengendalikan urusan ini.

Sudah tentu dengan adanya kerumitan-kerumitan yang saya sebutkan tadi Jabatan Tanah dan Ukur tidak dapat mempercepatkan lagi penyelesaian atas satu bidang tanah native yang besarnya adalah dianggarkan lebih kurang 8,000 batu persegi. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan sentiasa berusaha mempercepatkan dan menyelesaikan kehendak-kehendak rakyat. Kerana memanglah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional memberi kesenangan, kemudahan, kemakmuran dan keharmonian kepada rakyat.

4.21 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dalam sepanjang perbincangan mengenai Belanjawan, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang perkara-perkara yang berbangkit atau yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Sukalah saya memberi penjelasan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan atas perkara-perkara itu moga-moga dengan penjelasan saya ini Ahli-ahli Yang Berhormat dapat gambaran yang sebenarnya.

Kementerian Pertahanan mengucapkan terima kasih di atas cadangan, pandangan khasnya kepada sokongan dan perhatian atau minat (interest) yang berat yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Keselamatan Negara dan kebajikan perajurit kita sekarang dan yang lepas.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari

Kuala Selangor, Johor Bahru, dan Baling, telah menggesa Kerajaan supaya menggunakan kekuatan, kekerasan dan ketegasan dalam menghadapi ancaman dari penganas kominis, anasir-anasir subversif dan anti-nasional.

Saya suka menyatakan bahawa Kerajaan akan bertindak tanpa segan dan dengan tegas tetapi adil terhadap anasir-anasir yang mengancam keselamatan negara kita.

Kerajaan akan menggunakan segala kuasa dan kekuatan yang ada atau wujud padanya untuk menghadapi ancaman ini tetapi kejayaan tindakan Kerajaan itu juga bergantung besar kepada kerjasama dan sokongan yang didapati dari rakyat. Oleh itu, saya menyeru rakyat dari segenap lapisan supaya memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan dan anggota-anggota Pasukan Keselamatan dalam usaha kita dan mereka hendak menghapuskan anasir-anasir dan pengkhianat-pengkhianat itu dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya Kerajaan menambah kekuatan dan bilangan anggota Pasukan Keselamatan negara kita. Antaranya, ialah Ahli Yang Berhormat dari Matang; dalam menyokong pembesaran Pasukan Keselamatan, Ahli Yang Berhormat itu telah menggesa pula supaya latihan yang cukup diberi kepada ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, waktu menyokong penambahan belanja untuk pertahanan dan keselamatan telah mengingatkan Kerajaan supaya tambahan belanja itu jangan sampai menjejaskan pembangunan negara dan matlamat atau objektif Dasar Ekonomi Baru. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Seremban pula berpendapat Kerajaan tidak patut membelanjakan wang terlalu banyak untuk Pertahanan. Kerajaan akan membelanjakan wang yang perlu bagi menjamin keselamatan Negara dan rakyat tanpa pula menjejaskan pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi rakyat. Dalam masa itu Kerajaan akan terus berusaha untuk mendapat kerjasama daripada rakyat bagi bersama-sama menagakan keselamatan dan keamanan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya Kerajaan memang sentiasa menyemak keperluan-keperluan pertahanan dan keselamatan negara

termasuk keperluan latihan untuk anggota Pasukan Keselamatan. Keperluan-keperluan ini dikaji bersama-sama dengan keperluan-keperluan di bidang sosio-ekonomi berasaskan kepada keadaan dan kemampuan yang kita ada.

Sehingga hari ini Kerajaan telah berjaya menseimbangkan perbelanjaan untuk memenuhi semua keperluan negara yang mana dapat dibuktikan oleh kemajuan yang telah dicapai di bidang sosio-ekonomi serta kestabilan ekonomi negara. Tetapi keadaan keselamatan memerlukan penambahan kekuatan Pasukan Keselamatan, dan Kerajaan sudah, sedang dan akan mengambil langkah ke arah itu demi untuk memelihara keselamatan negara.

Di samping itu Kerajaan akan meneruskan kegiatan di bidang-bidang lain, kerana Kerajaan sedar bahawa peperangan melawan anasir-anasir Kominis dan anti-negara, bukanlah merupakan satu peperangan tentera sahaja bahkan juga untuk memenangi hati dan sokongan rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah mencadangkan supaya perhatian diberi kepada anggota-anggota tentera yang akan berhenti supaya mereka diberi latihan atau training yang cukup untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan atau hidup berdikari (self-reliant).

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini telah berkali-kali dibangkitkan di Dewan ini dan Kerajaan telah berkali-kali pula memberi jawapannya.

Latihan yang sesuai adalah diberi kepada mereka yang akan tamat perkhidmatan dengan tentera yang bertujuan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan atau perniagaan sendiri ataupun menyertai rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan tanah Kerajaan.

Kementerian Pertahanan akan sentiasa berusaha untuk menambahkan lagi pertolongan-pertolongan yang dapat diberikan kepada bekas-bekas perajurit kita kerana perkara memberi pertolongan ini adalah dianggap suatu tugas dan kewajipan yang sangat perlu dan penting oleh Kerajaan; ini bukan sahaja untuk kepentingan anggota-anggota bekas perajurit tetapi lebih penting lagi untuk menjaga moral dan kesempurnaan hidup angkatan tentera keseluruhan khususnya dan untuk kebaikan negara amnya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat pula telah mengingatkan supaya Kerajaan tidak membazirkan wang. Sebagai Kementerian yang membelanjakan wang yang banyak, Kementerian Pertahanan berterima kasih atas ingatan ini dan saya memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan memanglah sentiasa mencuba dan strive untuk menentukan bahawa wang yang dibelanjakan tidak dibazirkan dan jika pembaziran diketahui, langkah-langkah adalah sentiasa diambil untuk mengetatkan lagi kawalan-kawalan yang ada jika didapati perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menyatakan bahawa peruntukan bagi Pertahanan adalah hanya sebanyak 9.9% dari Belanjawan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataannya itu tidaklah begitu tepat kerana peruntukan bagi keselamatan keseluruhannya dalam Belanjawan Persekutuan yang telah dibentangkan adalah lebih kurang 21 peratus. Daripada jumlah peruntukan ini pecahan peruntukan bagi Pertahanan adalah 14 peratus dan bagi pihak Polis Diraja pula adalah 7 peratus daripada jumlah keseluruhan Belanjawan.

Mengikut Ahli Yang Berhormat itu juga, bahawa rakyat sekarang oleh kerana takut kepada tindakan balas (revenge) anasir-anasir jahat sekarang sangat segan dan enggan bekerjasama dengan Kerajaan; melalui memberi maklumat mengenai kegiatan-kegiatan anasir-anasir jahat itu. Kerajaan sanggup memberi apa jua perlindungan yang dikehendaki kepada orang ramai yang memberi maklumat-maklumat yang tepat mengenai kegiatan-kegiatan anasir-anasir anti-negara sehingga mereka dapat dipatahkan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang supaya kawalan yang lebih ketat lagi dikenakan di kawasan-kawasan sempadan, seperti di Rantau Panjang sendiri, untuk mengawal penyeludupan senjata dan bahan-bahan letupan. Saya sukacita memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan memang sedar bahawa kawasan-kawasan sempadan kita mungkin menjadi saluran bagi kemasukan alat-alat senjata haram dan bahan-bahan letupan bagi mencegah berlakunya kegiatan-kegiatan penyeludupan senjata haram dan sebagainya, pasukan-pasukan keselamatan

memang sentiasa menjalankan gerakan-gerakan operation di kawasan-kawasan sempadan dan operation-operation ini akan diperhebatkan mengikut keadaanya.

Bagi membendungkan penyeludupan-penyeludupan senjata haram, kita bekerjasama dengan pihak Kerajaan Thai.

Mengenai cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang membesarkan pasukan Gerakan Khasnya atau Commando Unit, Kerajaan memang sudahpun mempunyai rancangan untuk memperbesarkan lagi Pasukan ini, bukan setakat Pasukan Gerakan Khas sahaja, bahawa sanya Kerajaan sekarang sedang mengambil tindakan bagi membesarkan dan memodenkan lagi keseluruhan Pasukan Bersenjata Malaysia dan Pasukan Keselamatannya.

Berkenaan dengan soal disiplin, sukalah dinyatakan bahawa disiplin dikalangan anggota-anggota tentera kita adalah baik dan perkara ini tidaklah menjadi masalaah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pula telah menggesa agar gaji anggota-anggota tentera di peringkat rendah dinaikan lagi. Sebagai yang di ketahui gaji anggota-anggota Angkatan Tentera telah dinaikan dengan perlaksanaan Lapuran Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah pada tahun 1972. Suruhanjaya Gaji Tan Sri Ibrahim Ali yang dilantik oleh Kerajaan telah juga memasukkan dalam kajiannya perkara anggota-anggota Angkatan Tentera.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Dewan menurut Peraturan Mesyuarat 13 bahawa koram Dewan ini tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir).

4.33 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana berpeluang berucap sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat selepas Belanjawan Tahun 1976, mendapat sambutan baik di dalam Dewan ini pada amnya. Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang

juga turut mengalu-alukan tujuan dan perinsip Belanjawan, walaupun mereka mencari kesempatan mengkeritik beberapa bahagian daripada ucapan Belanjawan itu.

Saya inginlah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pendapat dan ulasan mereka ke atas Belanjawan, dan demikian juga pandangan dan ulasan mereka ketika menyokong Belanjawan tersebut.

Tetapi apa yang saya muskhlkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah Ahli-ahli dari pihak Pembangkang telah menggunakan kesempatan itu bagi membuat kenyataan yang tidak berasas terhadap Kerajaan dan pegawainya. Sungguhpun kecaman dan keritik itu bersifat liberal, tetapi hanya sedikit sahaja cadangan yang membina, dan juga dalam memberikan contoh kesilapan tertentu. Walau bagaimanapun, kita merasa bertuah kerana ramai orang yang sanggup menghakimkan Kerajaan berdasarkan rekodnya di masa lepas, dan tidak mudah pula dipengaruhi oleh thomah yang tidak berasas oleh setengah daripada Ahli pihak Pembangkang itu.

Dalam menggulung perbahasan ke atas Belanjawan 1976, seperti biasa, saya akan menyentuh dan juga menerangkan aspek perinsip dasar yang telah dibangkitkan dalam masa berbahas selama lapan hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Prestasi Ekonomi Malaysia, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kadar pertumbuhan ekonomi negara kita tahun 1975. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, saya telah menyebutkan bahawa Malaysia telah mencapai pertumbuhan Keluaran Negara Kasar atau K.N.K., sebanyak 1 hingga 2% dari segi sebenar dalam tahun 1975, walaupun pada awalnya saya telah meramalkan kadar sebanyak 5% dalam Ucapan Belanjawan pada bulan November tahun lalu.

Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat dari Kepong merasa bangga kerana beliau telah dapat meramalkan secara lebih tepat daripada pihak Kerajaan mengenai perkara kadar pertumbuhan ini, walaupun saya kurang jelas mengenai apa asas teknik yang digunakan oleh beliau semasa meramalkan kadar pertumbuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, disamping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris, oleh sebab banyak istilah ekonomi dalam Bahasa Malaysia yang masih belum sehati dengan kita.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila Yang Amat Berhormat.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, Honourable Members will recall, however, that in my message to the Senate on January 6, 1975, I did indicate that a downward revision would have to be made to the 5% estimate in view of indications, at that time, of a longer and deeper recession. The recession, as we all now know, has turned out to be much more severe and prolonged than I had at that time anticipated. In fact, Tuan Yang di-Pertua, it has been the worst recession since the Great Depression of 1930.

Most governments and international institutions did not anticipate the severity and depth of such a recession, with the consequence that forecasts of growth rates had to be revised downwards a number of times by foreign experts and research institutions. The Organisation for Economic Cooperation and Development (O.E.C.D.), for instance, revised the growth rates for the major industrial economies at least twice during the year. The more optimistic real growth rate of 3% for the industrial countries that was mentioned in my 1975 Budget Speech, was subsequently revised by the O.E.C.D. to plus $\frac{1}{2}$ % in December 1974, and to minus $1\frac{1}{2}$ % in July this year. The International Monetary Fund in its Annual Report for 1975 states the position succinctly as follows:

“At mid-1974, inflation was widely regarded as the dominant problem of economic policy, the underlying demand situation still appeared to be expansionary; and most of the major countries were expecting an upturn of real G.N.P. during the second half of the year, although the possibility of international recession was not ruled out. As matters developed, judgments about the trend of real activity were wide off the mark for many of the industrial countries, including the three largest: the United States, the Federal Republic of Germany and Japan.”

In other words, as the International Monetary Fund points out, even some of the most important industrial countries erred in their expectations and forecasts of the severity of the recession.

Honourable Members will thus agree that there was no intention at all on the part of the Government to overstate the rate of growth, in what has been a dark and gloomy year for most countries. What is in fact remarkable is that, the Malaysian economy did manage to register a positive growth rate in the face of such adverse circumstances. This is ample testimony to the strength and resilience of the economy, a fact that may not have been fully appreciated by some Honourable Members of the Opposition.

The Honourable Member for Kota Melaka raised the question on a divergence of the rate of growth in my Budget Speech and that given by the Honourable the Prime Minister at the Opening of the Malaysian International Investment Seminar on October 27, 1975. If the Honourable Member had followed the matter closely, he would undoubtedly have observed that the Prime Minister referred to a 2 to 4% growth of the Gross Domestic Product or GDP. The 1 to 2% I referred to in my Budget Speech was to the Gross National Product or GNP. I had also pointed out that the growth of the GDP was around 2.5%. Obviously there is no divergence, as the figures referred to different concepts of economic growth rates, and, Tuan Yang di-Pertua, I can only assume that the Honourable Member has mistakenly overlooked or sought to overplay this issue.

Public Debt

Tuan Yang di-Pertua, there has been some concern amongst Honourable Members of the increase in the public debt. It is natural that they should be concerned about this, and I am grateful for the frank views that have been expressed on this topic. Details of the public debt have been given in the Treasury Economic Report 1975/76 at pages 48 to 52. However, I would like to further clarify a number of issues raised in regard to this.

It is true that the public debt has been on the increase in recent years, but it has been used to finance the development effort. The Government has taken a number of measures

to ensure that strict accountability is maintained in the utilisation of development funds, and that projects are implemented efficiently and effectively. As long as the funds are used for projects that can contribute to the national well-being, I do not think that Honourable Members should be concerned over the rate of increase in the public debt. The public debt has been gradually built up over the years, and now stands at about \$11,224 million. During this time, Honourable Members should be aware, we have also been utilising these borrowed funds for investment. Over the years, we have built up a vast reservoir of national assets in the form of hundreds of schools, hospitals, an extensive transport and communications system, huge development projects like the Muda and Kemubu Schemes, and, *inter alia*, agricultural and development programmes. This is money well spent to provide a strong socio-economic infrastructure for economic growth and income distribution. Surely, all these assets are far more valuable than the public debt. In fact, these national assets are already generating higher incomes and exports, and have served to raise the standard of living and quality of life of our people. The Honourable Members concerned should, therefore, recognise the great benefits we have derived by borrowing, to invest in extensive development programmes, which are really for our future generations as well. We are therefore not burdening future generations, as the Honourable Member for Kepong stated, but in fact we have been providing for a higher standard of living and a better quality of life for our children.

I should also point out that a large proportion of the public debt, about 79% in 1975, consists of domestically raised funds, with some 62% coming from the Employees Provident Fund and the National Savings Bank. The funds from these sources are also, more importantly, non-inflationary. Out of the total outstanding external debt of \$2,380 million to date, 44% are project loans. In other words, they are tied to specific projects, which in all cases have been closely evaluated for their viability by the lending institutions, such as the World Bank and the Asian Development Bank. Therefore, of the total outstanding public debt of \$11,224 million, only \$1,338 million or about 12%, came from market loans raised in the international capital markets. Here again I would

like to state that our ability to borrow on the international markets, reflects our high credit standing, and I would like to point out that not all countries have the ability that we have, to gain accessibility to the international capital markets.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member from Kepong unfairly stated that I was unconcerned—"unconcerned", he said—over the proportion of operating expenditures going for debt servicing. On the contrary, I have kept a close watch on the whole question of public debt, and have consulted with experts from the World Bank and from the International Monetary Fund, as well as our own experts on this matter. I am glad to say that the World Bank and the International Monetary Fund have commented favourably on the level of our public debt and debt servicing. The external debt servicing ratio, which rose to 4.2% in 1975 mainly because of the low level of exports, is low by international standards, and Malaysia's credit worthiness is strong in international markets. I can assure Honourable Members that I will continue to exercise the closest scrutiny over the extent of borrowing.

However, Tuan Yang di-Pertua, Honourable Members will appreciate that we will need to borrow money to meet the increasing need for funds for development. I would like to ask the Honourable Members of the Opposition—but I see none of them in the Chamber now—who have always unfairly criticised tax proposals, where they intend to get the money to finance the many development programmes that they have always accused the Government of not carrying out? Tuan Yang di-Pertua, if we raise taxes, they criticise us, and when we raise loans for development, they also criticise us. If I were to take them seriously, the Government would have to cut down on its operating and development expenditures. But this would be against our socio-economic aspirations, which are to improve the standard of living and the quality of life of our people, particularly the lower income groups. The other alternative would be to print more money—and this I hope Honourable Members of the Opposition would not seriously suggest—but, Tuan Yang di-Pertua, who knows, when they are

so desperate to find faults with the Government, they might suggest it and expect the Government to act as irresponsibly as they have been acting.

Tuan Yang di-Pertua, some Honourable Members expressed pessimism with regard to the forecast of a 5% growth of private investment in 1976. This forecast was based on a number of indicators of private investment, which had begun to pick up in the later half of this year. Consultation was also held with the private sector, and given the improvement in economic activity in the major industrial countries in 1976, I am confident of the rate of growth of private investment as given in my Budget Speech.

Tuan Yang di-Pertua, the recent introduction of legislation, including the Industrial Coordination Act passed in May 1975, should not be construed as a Government instrument for exercising further controls on investment. The Act is for the co-ordination and orderly development of activities in the manufacturing sector. Private investors, as I have already reiterated in my Budget Speech, should come forward to seek clarification of the position and iron out their doubts and difficulties with the Government, rather than rely on heresay and rumours, which will undoubtedly give them the wrong impression.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyebut bahawa kadar inflasi sekarang masih tinggi lagi. Ada Ahli bertanya mengapa harga barang masih tinggi, sedangkan kedudukan inflasi telah bertambah cerah.

I wish to explain to Honourable Members that when I mentioned that the rate of inflation had slowed down, I meant that the rate of increase in the Consumer Price Index (CPI), which is a measure of the rate of inflation, had declined. For instance, for the first 10 months of 1975, the Consumer Price Index registered an average annual rate of increase of 5.3%, as compared to 18.6% and 9.1% for the corresponding periods in 1974 and 1973 respectively. This does not mean that prices have come down, as clearly this is not possible, given the rate of inflation experienced in previous years. However, the rate of price increases has been brought under control, and the spiralling price increases in 1973 and 1974, are not found today.

So long as the industrial countries continue to have inflationary conditions, and given Malaysia's open economy, there will be some inflation. The Government will, however, take whatever measures within its means to ensure that internal practices and policies, do not aggravate this inflation.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa perbahasan, telah juga dibangkitkan bahawa Kerajaan telah tidak berbelanja dengan cukup untuk mengatasi masalah rusutan. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat, dalam ucapan Belanjawan, saya telah menyatakan bahawa perbelanjaan kalangan awam atau Kerajaan bertambah sebanyak kira-kira 9% dari segi sebenar, berbanding dengan Anggaran Belanjawan sebanyak 7% sahaja. Yang demikian, Kerajaan sememangnya telah melebihi perbelanjaannya, memandangkan prestasi kalangan swasta kurang memuaskan.

As I was saying, it was pointed out during the debate that the Government did not spend enough in 1975 to get out of the recession. Honourable Members will recall that in my Budget Speech, I mentioned that the public sector or Government spending grew by about 9% in real terms, compared to the Budget estimate of 7%. The Government, therefore, did expand its spending programme in view of the poor performance of the private sector.

It was further asserted that the rate of public investment of 6% for 1976, would be insufficient to achieve the projected rate of economic growth. Honourable Members will recall from my Budget Speech that the public investment estimates did not take into account the additional funds that had to be provided for new projects and programmes under the Third Malaysia Plan. The additional allocations therefore, could well increase public investment to a much higher level than 6%. Furthermore, as I emphasised as the theme of my Budget Speech, the 1976 Budget would be flexible so as to respond promptly and effectively to the economic and financial changes and challenges as they arose. If therefore circumstances arise which necessitate further public sector spending, the Government will respond accordingly and effectively.

Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah menyentuh secara ringkas mengenai kekuatan ringgit kita, yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, terutama sekali Ahli Berhormat dari Kota

Melaka, yang menyatakan bahawa jatuhnya nilai ringgit baru-baru ini berbanding dengan satu atau dua matawang asing disebabkan oleh, dan saya petik ucapannya, Tuan Yang di-Pertua.

“Kemerusutan ekonomi, dan perkhidmatan awam yang rasuah dan tidak cekap, sejajar dengan keadaan sosial, politik dan keselamatan negara yang tidak stabil.”

As I have been saying, I would like to touch briefly on the question of the strength of the ringgit, which has been mentioned by some Honourable Members, and particularly by the Honourable Member from Kota Melaka, who stated that the recent decline of the ringgit against one or two other currencies was due to, and I quote, “deteriorating economy, and a corrupt, inefficient civil service, together with unstable, social, political and security conditions”.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to point out that every currency has its ups and downs, depending on the forces of demand and supply. For instance, as at 1st July, 1974, the US dollar was worth 0.85 of Special Drawing Rights (SDR), but as at the end of February 1975, it was worth only 0.79 SDR, a depreciation of about 7%. That is what happened to the US dollar. Against the ringgit, the US dollars depreciated from the equivalent of 2.90 ringgit as at the end of 1971 to 2.26 ringgit as at the end of March 1975, a depreciation of about 22%. However, it has recently appreciated to the equivalent of 2.56 ringgit at mid-November 1975, which however is still below the level at the end of 1971 against the ringgit. Similarly, the Japanese yen also has depreciated against the ringgit, by about 10% as at mid-November 1975, from its level at the end of 1971. Despite these fluctuations of the US dollar and the yen, the US and Japanese economies are amongst the world's strongest industrial economies. The statement of the Honourable Member for Kota Melaka was therefore not only grossly exaggerated and erroneous but also, Mr Speaker, very mischievous.

Whatever may be the views of the Honourable Member, I am confident that the ringgit will strengthen by the later part of 1976, as the economy recovers more strongly as a result of the progressive upturn in the industrial countries.

Overall Budget Deficit

Tuan Yang di-Pertua, I am afraid I will have to get into some detail in replying to the Honourable Member from Seremban on the question of the overall Budget deficit.

He stated that the overall Budget deficit is staggering and that, I quote, "it is fast becoming a national habit to spend more than what one earns".

I would like to point out to the Honourable Member that overall deficits will occur, as long as we want to spend on development projects and programmes. If we are to rely on savings from the Budget's current account, to finance long-term development and investment, we will never, never have sufficient money to spend on development, in order to accelerate the pace of economic growth and income distribution. The overall deficit therefore, reflects the Government's commitment to expand the economic cake so as to ensure more benefits, that can be spread even more evenly amongst all our people. Surely, the Honourable Member understands the merit and the need to step up our development efforts. A Government which seeks to reduce its overall deficits can do so mainly by cutting down its development expenditure and this we certainly do not want to do. Therefore, as long as we are able to obtain the domestic and foreign resources necessary to finance viable development projects, we should go ahead to expand development expenditure and economic growth within the context of financial stability. This we have done, and we will continue to do, under the Third Malaysia Plan.

It is also misleading and irresponsible for the Honourable Member for Seremban to say that, and I quote, "there has been indiscriminate gobbling of the capital and the reserves with dire consequences for all." Our foreign reserves are not static. With the recovery of the economy, our exports will increase, and consequently the foreign reserves can also be expected to grow. Therefore, there is no question of "gobbling of the reserves with dire consequences". The Honourable Member also needs to be informed that as a result of our borrowing to finance development programmes, such as the Muda project and the Felda and Risda schemes, we have managed not only to save on foreign exchange, but have increased our export earnings from

rubber and palm oil, besides increasing employment and incomes for our people. The earnings from such development projects will therefore also help to service our public debt that has and will be incurred for development purposes in the future.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah membuat teguran berkenaan dengan Lapanganterbang Senai di Johor. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pembinaan Lapanganterbang Antara-bangsa ini sesungguhnya amat sesuai dan menasabah. Jumlah penerbangan mingguan telah bertambah dan pada masa ini ada kira-kira 18 penerbangan seminggu ke Senai. Semenjak 15hb November, MAS telah mengadakan perkhidmatan Boeing 737 ke Senai. Ini telah menambahkan dengan banyak keupayaan mengendalikan kargo dan penumpang di Lapanganterbang Senai itu.

Saya ingin juga menambah di sini bahawa beberapa operator penerbangan telah menyatakan keinginan mereka untuk menggunakan Lapanganterbang Senai untuk kegunaan penerbangan am termasuk barang-barang.

The Honourable Member for Seremban also made comments on the Senai Airport in Johore. I would like to point out that the building of this International Airport is fully justified. The number of weekly flights has increased recently and there are now about 18 flights a week to Senai. Since November 15, MAS has introduced Boeing 737 services to Senai. This has considerably increased the cargo and passenger carrying capabilities at the Senai Airport.

I would also like to add that several general aviation operators have recently indicated interest in using the Senai Airport for general aviation purposes.

In addition, an increasing quantity of domestic and international cargo is being handled by the airport. For instance, in 1974, cargoes embarked amounted to about 8,530 kilos, while cargoes that were disembarked amounted to about 22,530 kilos. However, for this year, it is estimated that the cargoes embarked will increase by 263%, to about 31,000 kilos, and the cargoes that will be disembarked are estimated to increase by 33% to about 30,000 kilos. It is planned and expected, that the airport will continue to increase in importance, both as a base for passenger and cargo traffic.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member for Kepong—unfortunately I do not see him in his place—referred to a statement I made in my Budget Speech that the Government was fully committed to reduce and eventually eradicate poverty among all Malaysians irrespective of race. In doing so, he said that, and I quote, “I would like to urge the Honourable Minister, please do not give hope when there is no intention to do anything about it”. He went on to urge me, and I quote, “not to feed us with slogans but to show in the Budget and in the Third Malaysia Plan what he means to do”. Tuan Yang di-Pertua, this is not only an unfair but also a very mischievous statement. The Government has invested a great deal since Merdeka, to increase the infrastructural facilities and amenities in the lower income areas, to improve the standard of living and the quality of life of the poorer members of our community. I would strongly recommend, if I may, that the Honourable Member for Kepong reads Chapter 5 of the Treasury Economic Report entitled “Quality of Life in Malaysia—Improves with Government Investments”, so that he gets the facts and figures which show that the lower income groups have gained considerably from Government investments.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong patutlah mengikis sebahagian daripada perasaan sinisnya, iaitu “cynicism”-nya, dan hendaklah jujur bagi menerima bukti hasil pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar, yang nyata kelihatan di seluruh negara. Ini bukanlah bererti yang kita telah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai selama ini.

Membasmi kemiskinan adalah suatu tugas yang berat dan memakan masa yang lama, dan bukan boleh dicapai dalam masa sehari dua sahaja. Oleh itu, masih banyak lagi yang patut dilakukan. Memang banyak lagi yang akan dilakukan, menerusi Belanjawan di masa hadapan, yang akan terus melaksanakan tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga dan Rangka Rancangan Jangka Panjang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, as I was saying, the Honourable Member for Kepong should shed some of his cynicism and be honest enough to accept the evidence of economic development in the rural areas, which can clearly be seen all over the country. This is not to say that we are satisfied with what we

have achieved so far. The eradication of poverty is a massive and long-term undertaking that cannot be achieved overnight. Much more will, therefore, need to be done. Much more will be done, through future Budgets that will implement the objectives of the Third Malaysia Plan and the long-term Perspective Plan.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Prime Minister mentioned in his opening speech at the Malaysian International Investment Seminar that the main thrust of the Third Malaysia Plan, to be launched early next year, would focus more sharply on a multi-dimensional approach to poverty, giving greater attention to the less developed areas, major poverty groups, as well as to the overall economic growth and employment creation. The major poverty groups will include rubber smallholders, padi farmers, estate labourers, fishermen, residents of new villages, agricultural workers and the urban poor. In addition, priority attention will also be given to housing for the low-income groups.

The Honourable Member for Kepong will, therefore, see that we intend to do even more to achieve our objective of eradicating poverty.

Tuan Yang di-Pertua, I would like now to touch on the observations made by Honourable Members on the tax proposals. Some Honourable Members have expressed the view that the exemption limit for the new real property gains tax is too low. To reiterate what I have already said in my Budget Speech, the purpose of the tax is two-fold, namely to curb further speculative activities on real property, as intended by the Land Speculation Tax, which is now proposed to be repealed, as well as to provide a new source of revenue for the Government. If we increase the exemption limit to more than \$50,000, it may not achieve the objective of discouraging speculative activities in real property. At the same time, the proposed exemption limit of \$50,000 is not considered too low, as to cause undue hardship to the low-income group. As Honourable Members will note from Schedule 3 to the Real Property Gains Tax Bill, there is a provision for an exemption from the tax on gains realised from a disposal of one private residence, if a person has to sell it in order to acquire another one under certain circumstances. Clause 26 of the Bill also provides for a

remission of the tax on grounds of poverty, undue hardship or justice and equity. If a person realises gains on a disposal of property of the value of \$50,000 and above, purely to make profits, I think Honourable Members will agree with me that such gains, on equity ground, should be taxed.

Tuan Yang di-Pertua, several Honourable Members have criticised the increases in import duties, on the ground that they will hit the poor people more than the rich. If the Honourable Members concerned study carefully the list of items which are now subject to higher import duties, they will see that most of these items are those which are not normally purchased by the lower income group. Watches, clocks and motor cycles have been mentioned to illustrate how the poor will be hit by the increased import duties. While this may be true in respect of watches and clocks, we should however, also remember that such items are not regularly purchased but once in several years, and moreover, the increased import duties on the cheaper types are small in amount. With regard to motor cycles, Tuan Yang di-Pertua, I should have made it clear in my Budget Speech that locally assembled motor cycles and scooters *have not* been subject to any excise duty, nor are they now made subject to such duty in this Budget. Therefore, those people who prefer to buy the imported ones, which are by and large of the expensive and high-powered types, we can assume that they can well afford to pay higher duties. As regards radios, television sets, sewing machines and cigarettes, which have been mentioned by some Honourable Members, I would like to draw the attention of the Honourable Members concerned that these items are *not* affected by the increased import duties.

Many Honourable Members have commented on the increased import duties on fruits. As I had mentioned in my Budget Speech, the purpose of introducing all these import duty changes is not only for revenue purposes but also aimed at discouraging imports of most of those items. In the case of fruits, their imports are still large, despite the increases in import duties on them made in the 1973 Budget. The value of imports of fruits for 1973 and 1974 was about \$23 million and \$24 million respectively. This shows that the increase in duties introduced in the 1973 Budget has not been effective in curbing such imports. It is the Government's intention to encourage more extensive cultivation of our

own fruits, and it is hoped that these further increases in import duties will give a fillip in this direction. While it is true that fruits are essential for our daily needs—we can well meet our requirements with our own local fruits, which are just as nutritious, if not better in some cases.

Tuan Yang di-Pertua, a few Honourable Members have commented on the increased duty on cosmetics. While we menfolk, of course, would like to see our ladies look beautiful with their make-up, I think the increase in import duty on cosmetics will not discourage them from doing so! In fact, Tuan Yang di-Pertua, knowing their ego, they will really believe that they look much younger and more beautiful because they now use more expensive cosmetics!

Tuan Yang di-Pertua, with regard to the question of the extension of import duties to Penang Island, some Honourable Members have expressed regrets over the virtual removal of the free port status of Penang Island, which now results in the people in Penang Island having to pay the same duty as their counterparts in the rest of the country. I can appreciate the feelings of the people in Penang Island over the loss of the benefits of the free port status, which they have been enjoying in the past. However, we must appreciate that the maintenance of a free port status was justifiable only when the livelihood of the people in Penang Island used to depend mainly on trade, without any industrial base, as in the old days. Tuan Yang di-Pertua, this is no longer the position, in view of the rapid growth of industrial development, that is now taking place there. I am sure that the people in Penang Island have been expecting that it is only a matter of time when the free port status will eventually be removed.

Some Honourable Members have expressed the fear that the extension of the import duties to Penang Island will adversely affect the tourist trade of the Island. I think Honourable Members will agree with me that availability of duty-free goods is not a major attraction to tourism. People do not go to foreign countries merely to buy cheaper goods, but to see the countries themselves. If we look around, we see many of our neighbouring countries which have developed their tourist potential not on the basis of a free port status. In the circumstances, I do not think that this move will affect the tourist trade of Penang in the long run.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member for Tanjong has made a request that the extension of these new import duties should be deferred until after the festive season, and if possible after the introduction of the Third Malaysia Plan. We have considered this request very carefully, and I regret to say that this is not possible. If we defer this extension, it will provide an opportunity to certain sections of the business community, such as importers in Penang Island, to import as much of the goods concerned as they can during the next few months, with the view to selling them at higher prices when the extension of the import duties is made. If this happens, it is only these few people who will benefit by this deferment, and not the consumers in Penang; in addition the Government will also lose revenue. Further, Tuan Yang di-Pertua, it is not fair that the people in Penang Island should be given the privilege of buying cheaper goods for the festive season when their counterparts in the rest of the country, especially those who are also in the State of Penang but do not reside on the Island itself, are denied of this benefit.

Some Honourable Members have commented that the increase in the rate of surtax on imports of 1% is regressive since, according to them, it would adversely affect the lower income group. In this connection, I would like to point out that although the surtax on imports is a general tax, it is not applicable to necessities such as rice, salt, fresh and dried fish, kerosene, etc. As regards essential goods which are manufactured locally, I have already made it clear in my Budget Speech that imported raw materials to be used for their manufacture will, on application by manufacturers, continue to be given a partial exemption as in the past, depending of course on the merits of each case. Bearing these in mind, I am sure that its effect on the poor, if any, is negligible. In any case, the increase in duty is small as to have any serious effect.

Tuan Yang di-Pertua, concern has been expressed by some Honourable Members that the 1% increase in surtax will have inflationary tendency. I do not think so. As I have said in my Budget speech, all the tax proposals that I introduced in this Budget, including the surtax, would not, in our assessment, aggravate any inflationary tendencies.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member for Seremban stated that there were indications that a leakage of the new tax

proposals had occurred, in particular the tax on motor cars. Honourable Members will appreciate that speculations on what tax changes are going to be are common before a Budget Day. As my predecessor had said in his winding up speech for the 1973 Budget in reply to the same point raised by the same Honourable Member, and I quote, "when you get 10 guesses and one guess is right, but 9 are wrong, it is not right to say there has been a leakage of Budget secrets". Tuan Yang di-Pertua, it is quite normal for any person to anticipate tax increases, especially when the item in question is a luxury item and hence an obvious target for any Minister of Finance looking for additional revenue. In any case, I can assure the House that the Treasury takes every possible precaution that tax proposals in the Budget are fully safeguarded.

Tuan Yang di-Pertua, I have noted the comments and suggestions made by Honourable Members on the other tax proposals. As Honourable Members will appreciate, all these comments and suggestions will have to be examined very carefully as they may have far-reaching implications.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana pandangan, teguran serta sokongannya kepada Belajawan ini. Saya telah cuba sedikit sebanyak memberi penjelasan dan pandangan Kerajaan ke atas pandangan, teguran dan syor Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Tiadalah apa lagi yang saya hendak sebutkan.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul di kemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,649 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi

tahun 1976, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa).*

JADUAL

Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jadual)—Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

5.39 ptg.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus tahun 1976 di bawah Pecahan-Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah kepala-kepala yang disebutkan di atas tadi adalah seperti berikut:

Kepala B. 1	...	\$ 6,526,300	—Parlimen
Kepala B. 2	...	154,000	—Majlis Raja-Raja
Kepala B. 3	...	5,952,200	—Juru Odit Negara
Kepala B. 4	...	2,572,800	—Suruhanjaya Pilihanraya
Kepala B. 5	...	1,860,000	—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Kepala B. 6	...	135,100	—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi
Kepala B. 7	...	662,430	—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Kepala B. 8	...	41,874,300	—Jabatan Perdana Menteri
Kepala B. 9	...	95,501,200	—Jabatan Perkhidmatan Awam
Kepala B. 10	...	8,854,700	—Jabatan Kehakiman
Kepala B. 11	...	652,000	—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Kepala B. 12	...	1,231,000	—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak

Kepala B. 1—PARLIMEN

Jabatan Parlimen berkehendakan peruntukan sebanyak \$6,526,300 bagi tahun hadapan.

Tidak ada tambahan kakitangan yang dicadangkan bagi tahun itu dan satu jawatan Setiausaha Jawatankuasa Parlimen mengenai Undang-undang Perkhawinan dan Penceraian Orang-orang bukan Islam telah dikurangkan kerana jawatan itu tidak diperlukan lagi.

Tambahan jumlah sebanyak \$1,307,100 di bawah Pecahan-kepala 1200 telah dibuat kerana membayar elaun bulanan Ahli-ahli Parlimen yang telah dinaikkan sebagaimana mengikut Akta Parlimen (Saraan Ahli-ahli) 1960 dan juga kerana membayar elaun honorarium kepada kakitangan Parlimen.

Pecahan-kepala 2100 telah ditambah sebanyak \$20,000 untuk membayar elaun perbatuan Ahli-ahli Parlimen kerana menghadiri mesyuarat-mesyuarat Parlimen.

Pecahan-kepala 2500 telah ditambah sebanyak \$18,000 juga untuk membayar sewa rumah Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Pecahan-kepala 2600 telah ditambah sebanyak \$9,000 kerana mencetak borang-borang dan menjilid buku-buku.

Pecahan-kepala 2900 telah ditambah sebanyak \$29,000 kerana belanja jamuan makan semasa Majlis Pembukaan Parlimen, jamuan semasa persidangan Speaker-speaker, belanja keraian rasmi jabatan, mendobi langsir dan bayaran iklan-iklan.

Pecahan-kepala 3300 telah ditambah sebanyak \$76,450 kerana membeli meja dan kerusi, memasang permaidani dinding ke dinding (wall-to-wall carpeting) di Dewan Jamuan dan membeli lain-lain alat pejabat.

Pecahan-kepala 4100 telah ditambah sebanyak \$7,000 kerana bayaran pemberian caruman kepada CPA/IPU Cawangan Malaysia sebagaimana yang telah diminta oleh Jawatankuasa tersebut.

KEPALA B. 2—MAJLIS RAJA-RAJA

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1976 sebanyak \$154,000 iaitu sebanyak \$72,947 untuk gaji dan \$81,053 untuk lain-lain perbelanjaan dan Tambahan untuk gaji ialah sebanyak \$1,547 dan untuk lain-lain perbelanjaan, tambahannya ialah \$2,453. Ini adalah tambahan tahunan yang biasa.

KEPALA B. 3—JURU ODIT NEGARA

Dalam tahun 1976, Jabatan Odit memerlukan peruntukan sebanyak \$5,952,200 di bawah Kepala B. 3 untuk tiga Aktiviti seperti berikut:

(i) Pentadbiran Am	\$ 873,520
(ii) Mengodit kira-kira Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri	\$3,774,280
(iii) Mengodit kira-kira Badan-badan berkanun dan Tempatan dan Berbagai-bagai Kumpulanwang	\$1,304,400

Jumlah peruntukan sebanyak \$5,952,200 itu bagi tahun 1976 merupakan tambahan sebanyak \$572,900 berbanding dengan peruntukan yang diluluskan untuk tahun 1975 seperti berikut:

(i) Emolumen	\$ 499,610
(ii) Perkhidmatan dan Bekalan	62,290
(iii) Pemilikan Harta Modal	11,000
	\$ 572,900

Sebahagian besar dari tambang perbelanjaan tahun 1976 adalah untuk membiayai kenaikan gaji tahunan dan untuk menampung perbelanjaan gaji bagi 9 jawatan baru yang telah diwujudkan dalam tahun ini melalui Waran Perjawatan dan juga bagi 32 jawatan baru yang diuntukkan bagi tahun 1975 tetapi peruntukan penuh tidak dimasukkan dalam Anggaran Tahun 1975. Berikutan dari

bertambahnya beban-kerja, terdapat sedikit tambahan peruntukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan dan Pemilikan Harta Modal.

KEPALA B. 4—SURUHANJAYA PILIHANRAYA

Jumlah peruntukan bagi Suruhanjaya Pilihanraya pada tahun 1976 adalah sebanyak \$2,572,800 berbanding dengan \$2,543,900 yang telah diluluskan dalam tahun 1975. Ini merupakan tambahan sebanyak \$28,900.00 daripada tahun 1975.

Tuan Pengerusi, tambahan yang begitu ternyata bagi tahun ini di bawah pecahan-kepala 1100. Ini adalah disebabkan oleh perubahan pada coding gaji/elaun Kerani-kerani Sementara, dahulunya dipertanggungkan di bawah pecahan-kepala 2800 kini dipertanggungkan di bawah pecahan-kepala 1100. Di samping itu tambahan ini adalah juga disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya. Hal yang sama ternyata juga dalam pecahan-kepala 1200 di mana elaun-elaun Pegawai Pendaftaran, Penolong Pegawai Pendaftaran dan kakitangan pilihanraya yang dahulunya dipertanggungkan di bawah pecahan-kepala 2800 kini dipertanggungkan di bawah pecahan-kepala 1200. Berikut dengan perubahan coding itu jumlah peruntukan di bawah pecahan-kepala 2800 telah berkurangan sebanyak \$1,023,500.00

Selain daripada itu, terdapat juga pertambahan peruntukan di bawah pecahan-kepala 2100 dan ini adalah diperlukan kerana kerja-kerja mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak yang mana di jangka akan dimulakan dalam tahun 1976.

KEPALA B. 5—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Anggaran perbelanjaan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk tahun 1976 berjumlah \$1,860,000 iaitu tambahan-sebanyak \$32,810 daripada jumlah peruntukan bagi tahun 1975. Tambahan itu tidak termasuk peruntukan bonus kepada kakitangan Kerajaan. Tambahan yang diminta adalah dijangka boleh menampung kenaikan harga barang-barang seperti alat-tulis, kertas, alat-alat ganti, minyak petrol dan lain-lain.

KEPALA B. 6—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KERETAPI

Jumlah peruntukan yang dikehendaki bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi bagi tahun 1976 ialah \$135,100 iaitu tambahan sebanyak \$12,200 sahaja. Tambahan ini adalah untuk mengadakan sebuah lagi bilik temuduga, membeli perabot pejabat dan Gestetner Machine dan juga untuk membayar kenaikan gaji tahunan kepada kakitangan-kakitangan.

KEPALA B. 7—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Bagi tahun 1976 Suruhanjaya ini berkehendakkan peruntukan sebanyak \$662,430.00 di bawah Kepala B. 7 untuk keperluan Belanja Mengurusnya. Ini adalah tambahan sebanyak \$33,930.00 sahaja atau 5% atas peruntukan tahun 1975. Tambahan ini adalah untuk membayar kenaikan gaji tahunan, elauun memangku/tanggungannya kerja bagi jawatan-jawatan Ketua Penolong Setiausaha, gaji untuk 4 jawatan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar yang diwujudkan dalam tahun 1975 sebelum pembekuan jawatan-jawatan kosong dilaksanakan dan juga untuk membeli lengkapan dan alat lengkapan pejabat.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin: Tuan Pengerusi, koram tidak cukup.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*)

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua.

KEPALA B. 8—PERDANA MENTERI

Beberapa rancangan yang dijalankan dalam tahun ini telah mencapai kejayaan yang memuaskan dan adalah dijangkakan kejayaan yang lebih besar akan dapat dicapai dalam tahun 1976. Antaranya ialah Rancangan Buku Hijau yang sekurang-kurangnya telah menyedarkan rakyat supaya bercucuk tanam dan berternak untuk keperluan keluarga dalam usaha menambah pendapatan masing-masing. Rancangan-rancangan Perhubungan Masyarakat, kelas Perpaduan Rakyat dan lain-lain mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang

ramai disetiap lapisan hidup. Rancangan-rancangan tersebut di atas akan dijalankan dengan lebih luas lagi pada tahun 1976.

Anggaran Perbelanjaan untuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1976 berjumlah \$41,874,300 iaitu bertambah sebanyak \$8,615,166 dibandingkan daripada peruntukan tahun 1975. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah pemberian subsidi kepada Lembaga Perancang Keluarga Negara iaitu tambahan sebanyak \$4,087,400. Selain daripada itu, tambahan sebanyak \$3,321,291 adalah untuk perkhidmatan dan bekalan dimana sebahagian besar daripada harga bahan-bahan untuk kegunaan pejabat telah naik. Tambahan yang besar adalah terjadi ke atas pecahan-pecahan kepala berikut:

2100—Perjalanan dan Pengangkutan Orang	...	\$275,981
2400—Utiliti	...	\$114,380
2700—Bekalan dan Bahan-bahan	...	\$219,526
3300—Perabot dan Lengkapan, Alat Kelengkapan dan ternakan	...	\$775,016

Di samping itu peruntukan sebanyak \$1,000,000 untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan Kerajaan di Wilayah Persekutuan yang dahulunya diletakan di bawah tanggungjawab J.K.R. telah dipindahkan ke Jabatan ini (Bahagian Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan).

Bagi emolumen pula tambahannya ialah \$806,339 iaitu bagi menghadapi kenaikan gaji tahunan dan tambahan sebanyak \$31,016 sahaja adalah untuk pemilikan Harta Modal.

KEPALA B. 9—JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Sebagai usaha ke arah pelaksanaan matlamat Kerajaan di bawah Rancangan Pembangunannya, Jabatan Perkhidmatan Awam adalah ditugaskan bagi menentukan perjawatan-perjawatan yang perlu dan merancang keperluan tenaga untuk memenuhi jawatan dalam organisasi Kerajaan serta melatih dan selanjutnya mengujudkan suasana perkhidmatan yang cekap, dinamis dan berdisiplin. Untuk membolehkan Jabatan ini terus memperkembangkan kegiatan-kegiatannya, Kerajaan telah memperuntukan perbelanjaan mengurus sejumlah \$95,501,200.00 di bawah Kepala

B. 9 bagi tahun 1976. Jumlah ini jika di bandingkan dengan peruntukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 1975 adalah menunjukkan tambahan sebanyak \$12,432,400.00.

Tambahan ini adalah kecil dan seimbang dengan perkembangan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh Jabatan itu. Umpamanya, untuk memenuhi keperluan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Perkhidmatan Awam akan menambahkan lagi bilangan biasiswa dan hadiah latihan kepada penuntut-penuntut untuk mengikuti berbagai-bagai kursus khususnya dalam bidang sains dan teknologi di dalam dan luar negeri dengan tujuan untuk memperbanyakkan lagi calon-calon yang berkelayakan bagi memegang jawatan-jawatan Ikhtisas dan Separa Ikhtisas di Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun. Bagi tahun 1976 Jabatan itu memerlukan \$52.3 juta iaitu tambahan sebanyak \$4.45 juta sebagai bayaran biasiswa dan hadiah-hadiah latihan.

Tambahan peruntukan ini juga adalah disebabkan berikutan dengan tambahan bilangan pesara-pesara dan bayaran-bayaran tunggakan Elaun Tambahan Atas Pecen mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/74 yang belum dijelaskan. Tambahan peruntukan yang dikehendaki bagi menampung perbelanjaan itu ialah \$4 juta.

Selain dari sebab-sebab yang tersebut di atas tambahan-tambahan yang kecil adalah diperlukan untuk membiayai kenaikan gaji tahunan kakitangan di Jabatan ini, membayar sewa ruangan pejabat dan alat-alat tulis yang semakin mahal dalam keadaan inflasi sekarang.

KEPALA B. 10 JABATAN KEHAKIMAN

Bagi Kepala B. 10 untuk Jabatan Kehakiman, peruntukan sebanyak \$8,854,700 adalah diperlukan dan ini merupakan tambahan sebanyak \$705,690 atau lebihkurang 9% daripada peruntukan tahun 1975.

Tambahan yang diperlukan ini adalah untuk membayar kenaikan gaji biasa serta elaun-elaun dan juga kerana perbelanjaan yang akan bertambah untuk perjalanan dan pengangkutan, perhubungan, utiliti dan lain-lain lagi.

KEPALA B. 11—PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN, SABAH

Untuk tahun 1976 sejumlah \$652,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pentadbiran Pejabat Setiausaha Persekutuan di Sabah. Ini merupakan tambahan sebanyak \$114,150.

KEPALA B. 12—PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Peruntukan yang dikehendaki bagi belanja mengurus bagi tahun 1976 adalah berjumlah \$1,231,000. Ia itu bertambah sebanyak \$152,000—dari peruntukan bagi tahun 1975.

Peruntukan yang bertambah adalah perlu bagi menjamin kecekapan dan kelicinan pentadbiran serta perkhidmatan pegawai-pegawai di Urusetia ini dan juga di Jabatan-jabatan Persekutuan yang lain di Negeri itu. Keperluan itu diperlukan bagi pemberian kemudahan-kemudahan mengikut perintah Am Sarawak dan Pekeliling Perkhidmatan bil 9/71 bagi Pegawai-pegawai di Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak yang telah menjadi "Back Log" kepada Urusetia ini lantaran kekurangan peruntukan yang telah diberikan di tahun lalu.

Adalah dipercayai bahawa dengan diperolehi peruntukan sebanyak yang dipohonkan itu nanti maka akan menjamin pencapaian output yang maksima tetapi ekonomik di bidang Pentadbiran, Perkhidmatan, kesempurnaan dan kebaikan Kerajaan demi kepentingan Negara.

KEPALA P. 8—PERDANA MENTERI

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Anggaran Pembangunan 1976. Jumlah anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1976 bagi Kepala P. 8 adalah \$124,006,200. Ini merupakan potongan 6% ke atas perbelanjaan tahun 1975 yang berjumlah \$131,594,378. Suka saya memberi sedikit maklumat mengenai perkara-perkara tertentu di bawah Pecahan Kepala yang di bawah Pecahan Kepala yang berkenaan:

Pecahan-kepala 1:

Peruntukan sebanyak \$3,000,000 adalah dicadangkan bagi kajian-kajian kemungkinan untuk menampung kajian-kajian yang sedang berjalan dan juga kajian baru yang akan bermula pada tahun 1976. Tujuan kajian-kajian ini adalah untuk menentukan kemungkinan dan kesesuaian projek-projek untuk

dilaksanakan dan untuk mendapat bantuan luar negeri. Pada tahun 1975, \$7,500,000 telah diperuntukkan di bawah pecahan kepala ini.

Pecahan-kepala 2:

Peruntukan sebanyak \$60,000 adalah dicadangkan untuk menampung perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan berkenaan dengan kajian-kajian kemungkinan (feasibility studies) persiapan dan pelaksanaan projek-projek bagi tahun 1975, \$40,000 telah dibekalkan untuk pecahan kepala ini.

Pecahan-kepala 3:

Peruntukan sebanyak \$60,000 adalah dicadangkan untuk mencetak dan membaharui data-data bagi penilaian punca-punca asli. Peruntukan ini merupakan tambahan sebanyak \$10,000 daripada jumlah bagi tahun 1975.

Pecahan-kepala 4:

Peruntukan sebanyak \$44,700,000 adalah dicadangkan bagi Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara. Daripada jumlah ini, \$2,526,000 adalah bagi Belanja Mengurus, \$14,000,000 untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur, \$13,604,000 untuk pembangunan jalan-jalan \$6,070,000 untuk Bekalan Air dan \$8,500,000 sebagai pinjaman.

Dalam tahun 1976, Lembaga akan terus melaksanakan pembangunan di dalam kawasan Pahang Tenggara berpandukan kepada Pelan Induk yang telah disediakan. Lembaga akan menyediakan berbagai kemudahan seperti pembinaan bandar-bandar baru, jalan-jalan dan bekalan air. Lembaga juga akan mengambil bahagian dalam projek pembangunan dalam sektor pertanian dan perusahaan dengan cara usaha bersama dengan sektor swasta. Projek-projek ini termasuklah ternakan lembu daging, ladang kelapa sawit, kompleks perkayuan, penanaman teh, pembantu batu-batu dan perumahan.

Bagi tahun 1975, jumlah yang telah diperuntukkan adalah \$63,789,300.

Pecahan-kepala 5:

Peruntukan sebanyak \$52,696,000 adalah diperlukan oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara pada tahun 1976. Daripada jumlah ini sebanyak \$606,000 adalah untuk Belanja Mengurus, \$7,400,000 untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur, \$30,000,000 untuk pembinaan jalan-jalan, \$12,000,000 untuk Bekalan Air dan \$2,690,000 sebagai pinjaman.

Pinjaman ini adalah bagi membiayai penyertaan ekuti oleh Lembaga dalam beberapa projek usaha-bersama dengan sektor swasta. Projek-projek ini termasuk projek-projek ladang kelapa sawit, getah, ternakan ayam, kebun orkid, sayur-sayuran, projek pelancungan dan projek-projek perusahaan seperti projek kuari dan syarikat pembinaan.

Jumlah yang telah diperuntukkan pada tahun 1975 adalah sebanyak \$42,400,000.

Pecahan-kepala 6:

Peruntukan sebanyak \$8,427,000 adalah diperlukan oleh Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dalam tahun 1976. Daripada jumlah ini \$853,000 adalah untuk Belanja Mengurus, \$6,014,000 untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur, dan \$1,560,000 sebagai pinjaman. Lembaga ini juga akan terus melaksanakan pembangunan dalam kawasan Trengganu Tengah dengan berpandukan kepada Pelan Induk yang telah disediakan dalam tahun 1974. Selain dari menyediakan kemudahan-kemudahan jalan, air dan pembinaan bandar-bandar baru, Lembaga ini akan mengambil bahagian dalam projek pembangunan secara usaha bersama dengan sektor swasta. Projek-projek ini termasuklah projek ladang kelapa sawit, kompleks perkayuan dan ladang rumput protein.

Bagi tahun 1975 jumlah yang telah diperuntukkan adalah \$6,026,008.

Pecahan-kepala 7:

Peruntukan sebanyak \$5,000,000 adalah dicadangkan untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri membina dan membaiki jalan-jalan di luar bandar. Jumlah yang telah diperuntukkan dalam tahun 1975 adalah sebanyak \$3,000,000.

Pecahan-kepala 8:

Peruntukan sebanyak \$3,560,000 adalah dicadangkan untuk Rancangan Pembangunan Luar Bandar bagi mengadakan beberapa kemudahan-kemudahan kepada penduduk luar bandar untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Daripada jumlah ini \$740,000 adalah untuk Sarawak \$660,000 adalah untuk Sabah dan \$2,160,000 untuk Semenanjung Malaysia.

Jumlah bagi tahun 1975 adalah sebanyak \$1,000,000 bagi Semenanjung Malaysia, \$500,000 bagi Sarawak dan \$500,000 bagi Sabah.

Pecahan-kepala 9:

Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan berkehendakkan peruntukan sebanyak \$6,503,160 pada tahun 1976. Darpada jumlah ini \$726,177 adalah untuk Lembaga Perancang Keluarga Negara dan \$5,776,983 untuk Rancangan Perancang Keluarga Kebangsaan. Peruntukan ini adalah untuk mendirikan Pusat-pusat dan Klinik-klinik Perancang Keluarga, Pusat Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, Klinik-klinik Bidan dan juga kerja-kerja tambahan kepada Sekolah Kesihatan Luar Bandar.

Peruntukan bagi tahun 1975 adalah \$4,307,000.

P. 10—JABATAN KEHAKIMAN

Saya

Tuan Pengerusi: Barangkali Dewan ini sejuk sangat. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat duduk lama di sini menyebabkan Dewan tidak cukup koram sekarang.

(Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli-ahli hadir)

Datuk Abdullah Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

P. 10—JABATAN KEHAKIMAN

Saya beralih pula sekarang kepada Kepala P. 10 untuk JABATAN KEHAKIMAN yang berjumlah sebanyak \$1,980,000.00. Dari jumlah ini peruntukan sebanyak \$1,000,000 ialah bagi membaiki mahkamah-mahkamah dan juga untuk tujuan membina mahkamah-mahkamah baru di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia termasuk Jitra, Kuala Kangsar, Taiping, Banting, Jasin, Kuala Pilah, Tampin, Pekan, Yong Peng dan Tumpat. Sebanyak \$680,000.00 adalah dipohon untuk menyiapkan sebuah mahkamah baru di Sibn, Sarawak dan peruntukan sebanyak \$300,000.00 adalah diperlukan untuk tujuan membina mahkamah-mahkamah baru di Keningau dan Tawau, Sabah.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1976 di bawah Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 8 dan P. 10 diluluskan.

6.12 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi saya bangun mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa mengenai Kepala B. 1 hingga B. 10.

Yang pertama, saya mahu menyentuh Kepala B. 8, Pecahan-kepala (Kod) 1100 (1) (ii) Kabinet dan Perlembagaan, dan disamping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Diizinkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu membangkitkan hal mengenai kehilangan dokumen yang sangat penting di bawah Kepala ini mengenai kehilangan salinan asal Essential (Emergency Powers) Ordinance No. 1 Tahun 1969. Ordinan yang pertama di mana selepas perisytiharan dharurat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertarikh 15hb Mei, 1969 di mana semua kuasa-kuasa dharurat dilandaskan (based), oleh kerana itu ialah dokumen yang pertama di mana memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang sangat melibatkan, mempengaruhi kehidupan, kebebasan, hak-hak rakyat jelata termasuk overriding constitutional rights of Malaysians as provided in the Malaysian Constitution, dan dengan sebab itu sangat mustahil dan sangat memeranjatkan kita dapat tahu daripada satu affidavit yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini bahawa Ordinan itu telah hilang.

Orang ramai yang tidak faham ialah kenapa Ordinan yang begitu mustahak dan penting, boleh hilang, sungguhpun masa itu satu masa yang sangat kacau beliau, tetapi kenapa Ordinan No. 1 itu hilang sedangkan Ordinan No. 2, 3 dan 4 sampai berpuluh-puluh yang ada dibuat tidak hilang? Ordinan No. 2 ialah di mana National Operations Council (NOC) ditubuhkan. Ordinan No. 3 dan 4 dan lain-lain di mana lebih tindakan-tindakan diambil untuk menghadapi keadaan dharurat di masa itu. Dan sekiranya saya tidak silap, apabila Ordinan-ordinan ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bukan satu salinan sahaja, tetapi saya dapat tahu lazimnya ada 4 atau 5 salinan ditandatangani dan sekiranya ini benar, kenapa lain-lain salinan tidak dikemukakan atau

ditunjukkan untuk mententeramkan anxiety dan syak-wasangka di kalangan orang ramai mengenai perkara ini.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, the loss of this very important fundamental State document, together with the recent loss of many other State documents—for instance, the recent very mysterious fire at the office of the R.I.M.V., Selangor where purportedly some 300,000 documents and files were lost, some going way back to the 1930's and the year-in-year-out loss of M.C.E. examination papers—have thrown a big question mark about the general security of State documents which requires more than just a cursory explanation from the Government. I hope that on this very important question a very satisfactory explanation can be given when the time comes for the Honourable Minister to reply, because whatever the determination in a court of law, we in Parliament will also have to look at the larger implications of national questions. The absence of that document will throw into the open the whole legality, constitutionality and propriety of a series of acts which were taken in 1969. So, in view of its very far reaching consequences and implications, I hope that there can be a thorough explanation, and not only that, that a special enquiry be held to determine and to ascertain how such an extraordinary event could take place.

I now wish to refer, Tuan Pengerusi, also to Head B. 8, item (7) on page 50 in regard to Anti-Corruption. The Honourable Minister of Law yesterday referred to the current situation whereby a lot of flying letters are going around implicating, suggesting and accusing corruption of many Government leaders and, as he himself mentioned, also even implicating the integrity of the Director-General of the National Bureau of Investigation himself. I feel that this is a very grave and urgent matter which should not just be treated off-handedly in a Ministerial reply. Without casting aspersions on the integrity of the Director-General of the Biro Siasatan Negara or its officers, in view of the fact that this matter has become public, and that the integrity of the officers and the Director-General of the B.S.N. has been made public and therefore, it is a question of public interest and concern, I feel that Parliament should set up a Special Select Committee in order to clear the name of the Director-General of the B.S.N. The Honourable Minister of Law has stated that the Director-General of B.S.N.

is a man of integrity and a man who is beyond all reproach, and I am sure that this Parliamentary Select Committee to clear his name will be a welcome opportunity for him not only once and for all to rebut all imputations and inferences of dishonesty but also to give full public confidence in the integrity of the Biro Siasatan Negara and its officers.

I am making this proposal not in order to infer that there is anything amiss or to doubt about the integrity, honesty and sincerity of the B.S.N. but to propose that, in view of the fact that this matter has been made public and has been reported in the Press, this is the best solution in order to satisfy the public and in order to give the B.S.N. Director-General and its officers an opportunity to fully clear themselves.

However, despite the reply by the Honourable Minister that the B.S.N. is going after the “big fishes” and not just the “*ikan bilis*”, we are glad about the statement made that the “big fish” will soon be caught, that action will soon be taken, and I am sure that all of us in this House, and the people in the country, are awaiting concrete results from such a statement. But one action will not be sufficient, one action or one high political officer being taken in will not be sufficient to recapture public confidence in the incorruptibility and integrity of public officers. It will have to be the beginning of a series of purges of dishonest, corrupt public officers.

In this connection, I am very glad that during the Budget debate, several Government back-benchers did raise their voice to express their concern about spreading corruption in the country although, I am very disappointed that, despite their concern, they were unable to support the Motion which I had introduced at the very beginning in order to effectively eliminate corruption in high places, which shows a contradiction in their public pronouncements as to the genuineness of their attitude viz-a-viz corruption.

Tuan Pengerusi, I wish to refer to Head B. 10 on Courts. Here I wish also to refer to the Supplementary Document prepared by the Treasury providing Explanatory Notes on the various departments in this Purple Book.

The question of the serious backlog of court cases has not diminished as shown by the figures here on page 18, for instance, of

this Purple Book. For Mahkamah-mahkamah Tinggi it is estimated that for 1975, there will be a backlog of 9,340 civil cases; for 1976, next year, there is an estimated backlog of unsolved cases of 8,420—these are for the High Court.

The figures for Mahkamah-mahkamah Sesyen, Sessions Courts, are in the region, in the case of next year, 1976, of 4,668 cases which should become a backlog in 1976 in respect of criminal cases, kes-kes jenayah, and in regard to civil cases, there is an estimated backlog of 7,913. In the case of Mahkamah-mahkamah Rendah, the figures are even more shattering. For 1976, there will be 75,000 cases, kes-kes dibawa ke tahun hadapan; 75,000 criminal cases in Semenanjung Malaysia, and 6,744 in Sarawak and Sabah; in the case of civil cases, there will be 23,343 in Semenanjung Malaysia and 2,814 in Sarawak and Sabah.

These are very shocking figures, and justice delayed is justice denied. There is a very clear and urgent need—it is the only solution available—to increase the number of Judicial Officers, Magistrates and Judges in order to be able to dispose expeditiously with all these cases, because if the ordinary people, the poor, the plaintiffs, the defendants, and so on are required to go to court again and again then these long delays evoke grievous hardship.

In this connection, the Minister of Law has said that, in view of the shortage of High Court Judges, there is a proposal to amend the Constitution to increase the number of Judges. But that announcement was made quite some time ago and up to now there has been no indication as to what progress has been made in this regard. I, therefore, hope that the relevant authorities would be able to take the necessary action to reduce this mountainous backlog of cases at all levels of our courts, both civil and criminal, in West Malaysia and in East Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah hendak bercakap?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, panjang lagi.

Tuan Pengerusi: Boleh sambung pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang pada hari Isnin, 24hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.